

SAMUDERA



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY • BIL. 02/2010 • ISSN 0127-6700

PENGLIBATAN ORANG MELAYU Misi Menyelamat Kapal S.S. Nisero

KD TAR

*The Successful Launching of
Exocet SM39*

JASAMU DIKENANG

Laksamana Muda Dato' Mohd Som bin Ibrahim

ISSN 0127-6700



9 770127 670004



Your **Thinking Company**



SYSTEM CONSULTANCY



Prestigious Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M) Sdn Bhd



Dian Kreatif Sdn Bhd



IBS Technology Sdn Bhd

System Consultancy Group of Companies

Head Office

System Consultancy Services Sdn. Bhd. (219906-U)

36, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur.

Tel • 603-4149 1919 Fax • 603-4149 2121 E-mail: scshq@po.jaring.my



KANDUNGAN

3

LAKSAMANA TAN SRI ABDUL AZIZ TERIMA ANUGERAH
'ORDER OF LEGION D'HONNEUR'

4

"KD TAR": *The Successful Launching of
Exocet SM39*

6

JASAMU DIKENANG

Laksamana Muda Dato' Mohd Som bin Ibrahim

8

PENGLIBATAN ORANG MELAYU
Misi Menyelamat
Kapal S.S. Nisero

31

KEPENTINGAN

GUGUSAN SEMARANG PENINJAU (GSP)
TERUMBU LAYANG-LAYANG

46

PEGAWAI ATM

MODEL GENERASI MUDA NEGARA

52

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

KEKAL JUARA



DARI MEJA

Ketua Editor

AHOY!

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Salam 1 Malaysia...

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya keluaran Majalah SAMUDERA bagi edisi 2/2010 dapat diterbitkan. Keluaran kali ini diharap dapat meneruskan kesinambungan Majalah SAMUDERA sebagai platform menyalurkan informasi yang berguna di samping menghasilkan penulisan artikel yang berkontemporari sebagai bacaan di kalangan *the Navy People* dan para pembaca majalah ini.

Fokus edisi kali ini masih menumpukan perhatian terhadap kesiagaan aset dan strategi TLDM dalam mendukung Dasar Pertahanan Negara. Paparan kejayaan ujian penembakan peluru berpandu dari bawah permukaan oleh kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN (KDTAR) merupakan satu kebanggaan, malah membuktikan keupayaan linggi aset terkini TLDM bagi menghadapi sebarang ancaman keselamatan terhadap negara. Tentunya perancangan yang teliti dan pelaksanaan sesi latihan yang komprehensif semasa aman merupakan kriteria penting dalam menyiapkan armada TLDM menghadapi situasi konflik.

Selain itu, edisi ini juga memaparkan keupayaan Pusat Hidrografi Nasional sebagai sumber penerbitan carta ke peringkat antarabangsa serta keperluan peningkatan sistem penderia dan persenjataan NGPV. Kesedaran dalam menguruskan aset kerajaan juga ditekankan bagi memastikan setiap peralatan sentiasa berada dalam keadaan baik. Di samping itu, penekanan terhadap pengurusan rekod dan dokumen di kalangan *the Navy People* hendaklah dipatuhi sepenuhnya sesuai dengan kehendak pihak pengurusan tertinggi TLDM. Penubuhan PUSMAS adalah sejajar dengan keperluan semasa bagi mengumpul semua rekod dan dokumen yang penting sebagai sumber rujukan sejarah di masa akan datang.

Dalam edisi ini turut dimuatkan penghargaan terhadap Laksamana Muda Dato' Mohd Som bin Ibrahim di dalam ruangan Jasamu Dikenang. Ia sebagai tanda penghargaan di atas khidmat bakti beliau yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan.

Semoga edisi Majalah SAMUDERA kali ini memberi manfaat dan paparan yang berfaedah serta berguna untuk dikongsi bersama.

Sekian, Salam Hormat dari krew Majalah SAMUDERA.

SEDIA BERKORBAN

SAMUDERA

SIDANG REDAKSI

PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk
Hj. Mohammed Noordin bin Ali

KETUA EDITOR

Laksamana Pertama
Mohd Reza bin Mohd Sany

EDITOR

Kept Sabri bin Zali TLDM
Kdr Shaiful Nizam bin Abd Manan TLDM
Lt Kdr Hafizan bin Tarmidi TLDM

WAKIL MARKAS TENTERA LAUT

Lt Kdr Masliza bte Maaris TLDM
Lt Dya Siti Salina bte Johari PSSTLDM

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Norlida bte Rahaman TLDM

WAKIL MPL

Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM

WAKIL MAWILLA 1

Lt Muhammad Ashraf bin Mahmud TLDM

WAKIL MAWILLA 2

Lt Mohd Nazli bin Sabran TLDM

WAKIL MAWILLA 3

Lt Muhammad Nashahi bin Nazri TLDM

WAKIL KDSI

Lt Raimie Redza bin Muhamad TLDM

PENGEDARAN

BK PNK Mohd Shahrel bin Md Said
BM PBS (I) Kamarul Zaman bin Masery
BM PNK Khairul Hafiz Ted bin Abdullah

GAMBAR EHSAN

PR Markas Tentera Laut
PR Markas Armada
PR Markas Pendidikan dan Latihan
PR KD SULTAN ISMAIL
PR MAWILLA 1
PR MAWILLA 2
PR MAWILLA 3

REKABENTUK

Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)
Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur

Samudera diterbitkan sebanyak tiga kali oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda secara pos kepada :

**Pengarang Samudera,
Bahagian Rancang dan Operasi,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR**

Tel : 03 - 2071 3218 / 3072 / 3074 / 3187
Faks : 03 - 2698 1680 / 2692 7677



LAKSAMANA TAN SRI ABDUL AZIZ TERIMA ANUGERAH 'ORDER OF LEGION D'HONNEUR'

Oleh: Lt Sifi Salina Johari TLDM
Foto: LK PNK Mohd Faris Rassully

Baru-baru ini bertempat di Kedutaan Besar Perancis, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar, Panglima Tentera Laut telah dianugerahkan dengan kurniaan 'Order of Legion d'Honneur' oleh Admiral Pierre-François Forissier sempena lawatan beliau ke Malaysia.

Darjah Kebesaran yang kedua tertinggi ini diberikan kepada penerima awam mahupun golongan tentera berdasarkan kepada kecemerlangan atau keberanian yang ditunjukkan terhadap kerajaan Perancis. Ianya terhad kepada 10 000 penerima sahaja sejak ianya mula diperkenalkan oleh Napoleon Bonaparte sekitar tahun 1802.

Penganugerahan Darjah Kebesaran ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi nilai serta darjatnya oleh Kerajaan Perancis ke atas Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar dalam kejayaannya merealisasikan pelaksanaan perolehan projek Kapal Selam milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berjalan dengan lancar dan jayanya. Kejayaan projek kapal selam negara juga membuktikan komitmen dan jalinan kerjasama di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Perancis.

Kehadiran kapal selam negara ke dalam inventori armada telah menjadikan TLDM sebagai sebuah angkatan yang lebih sofistikated dan berdiri seiring dengan tentera laut bertaraf dunia seiring dengan pemantapan keupayaannya dari *Brown Water Navy* kepada *Blue Water Navy*.

Malahan, hubungan ketenteraan yang terjalin melalui lawatan kapal Tentera Laut Perancis ke Malaysia juga mampu merapatkan persahabatan antara dua negara selain dari hubungan diplomatik yang telah sedia terjalin selama ini. Kerjasama ini dimantapkan lagi melalui aktiviti latihan dan operasi antara kedua-dua tentera laut.

Ketokohan dan kewibawaan Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar sebagai Panglima Tentera Laut bermula dari perlantikan beliau pada 1 Apr 08 sehingga ke hari ini amat dikagumi dan diyakini bukan sahaja di kalangan the Navy People malah pengiktirafan oleh pihak luar juga telah menyerlahkan kepimpinan beliau.



3

| Awarded by France | |
|---------------------|--|
| Type | Order with five degrees |
| Awarded for | Excellent civil or military conduct delivered, upon official investigation |
| Status | Open since 1802 |
| Statistics | |
| Established | 19 May 1802 |
| First awarded | 14 July 1804 |
| Distinct recipients | The maximum quotas: Knight: 125,000 Officer: 10,000 Commander: 1,250 Grand Officer: 250 Grand Cross: 75 |



KD TUNKU ABDUL RAHMAN (KD TAR)

THE SUCCESSFUL FIRING OF EXOCET SM39 PROVED THE RMN UNDERWATER CAPABILITY

Prepared By :
 Cdr Kamarul Azlan bin Abd Samad RMN
 Head of System
 RMN Submarine Force HQ

Imagine this scenario:

"A warship is transiting in a warzone with no visible or radar contact reported. At the same time, a Maritime Patrol Aircraft (MPA) is buzzing high above the warship to provide aerial coverage and reported no visible surface contact either. Suddenly, the Officer of the Watch of the warship noticed a small bit on his radar which is approaching at a very high speed, and he has only one minute and a half to react before the imminent impact."

That is only a scenario, but that is also a factual surprise factor posted by the EXOCET SM39 missile if launched from a submerged submarine. It is exactly what KD TAR is capable of as it showed its potency by the successful firing of EXOCET SM39 missile on the morning of 26 Jul 10.

KD TAR which was built by the Consortium of French and Spanish shipbuilders, DCNS and NAVANTIA, was commissioned into the Royal Malaysian Navy (RMN) service on the 27 Jan 09. She had successfully underwent work-up training with the French Navy before embarking for approximately 8300 nautical mile journey to Malaysia and safely arrived with a royal welcome in Port Klang on 3 Sep 09. Since its arrival in the Submarine Force Headquarters in Kota Kinabalu on 17 Sep 09, she had undergone various post maintenance trials before she is fit to perform the ultimate trial, the Live Firing Trial, which is part of her contractual tropical trials activities.

The PERDANA MENTERI Class SCORPENE submarine has a complement of 32 men and able to carry a combination of 18 state of the art heavyweight torpedoes and anti ship missiles.

The Live Firing Trial, conducted under the umbrella of EKSESAIS TAMING SARI 15/10, marked another chapter in the RMN history as it is the first time the RMN submarine managed to launch a sub-surface to surface missile.

The SM39 missile hit and destroyed 3 of the 6 containers on a Surface Target Barge which were drifted at 43 km away and met the following objectives of the firing trial:

- The correct operation of the KD TAR's Submarine Integrated Combat Systems (SUBTICS)
- The correct operation of the SM39
- The efficiency of KD TAR crew
- The readiness of KD TAR

12 ships, 1 SUPER LYNX, 1 FENNEC, 1 NURI and 1 BEECHCRAFT were involved in this exercise and has proven that the joint operations of KD TAR, the surface fleets, the air wing and the Royal Malaysian Air Force were conducted successfully.

With this successful firing of the missile, the RMN has confirmed its entries into the three dimensional warfare in enhancing its capability to safeguard national maritime interest.

The need for these capabilities are vital for the RMN to provide a deterrent factor to any potential adversaries.

The Chief of The Royal Malaysian Navy, Admiral Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar, Fleet Operation Commander, Vice Admiral Dato' Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin, Submarine Force Commander, First Admiral Dato' Pahlawan Mohammad Rosland bin Omar, Naval Region 2 Commander, First Admiral Dato' Anuwi bin Hassan and Assistant Chief of Staff (RANOP), First Admiral Mohd Reza bin Mohd Sany were there to witness this historic firing.

4



Photo 1: The Weapon Embarkation Operation
 Note: the removed front casing.



Photo 2: SM39 Booster Motor Start.
 Note: SM39 and Underwater Vehicle separation



Photo 3: SM39 Initial Flight Path.

Photo 4: SM39 Flight Path towards STB.



Photo 5: SM39 and STB. Moment before impact.

Photo 6: The impact.



Photo 7: The STB after impact.





JASAMU DIKENANG

LAKSAMANA MUDA DATO' MOHD SOM BIN IBRAHIM

Oleh: PR MWL 1

Tanggal 4 Ogos 10 adalah tarikh terakhir dimana PWL 1 YBhg Laksamana Muda Dato' Mohd Som bin Ibrahim telah mengundurkan diri di perkhidmatan TLDM. Sumbangan beliau khususnya di MWL 1 amatlah disanjung tinggi.

Laksamana Muda Dato' Mohd Som bin Ibrahim telah dilahirkan di Rembau, Negeri Sembilan pada 16 Feb 1954. Beliau mula berkhidmat dalam TLDM sebagai Pegawai Kadet di Maktab Tentera Diraja pada tahun 1973 dan telah terpilih berkursus di Britannia Royal Naval College (BRNC), Dartmouth, England pada tahun 1974. Setelah menamatkan Latihan Laut di Woodlands, Singapura, beliau telah ditauliahkan sebagai Lt Madya TLDM dalam Cawangan Pelaut pada tahun 1977.

Sepanjang 33 tahun perkhidmatannya, Laksamana Muda Dato' Mohd Som telah diperjawatkan di beberapa buah kapal dan Pangkalan TLDM. Di awal kerjayanya, beliau pernah menjadi Pegawai Laksana Kapal Ronda (1977/1978), Pegawai Senjata dan Pegawai Navigasi di KD HANG TUAH (1979/1980). Beliau juga pernah menjadi Pegawai Memerintah 5 buah kapal TLDM KD SRI PERAK, KD TODAK, KD PENDEKAR dan terakhir di KD PERDANA merangkap sebagai Pegawai Kanan Skuadron Kapal Penyerang Laju (Misil) dan sebagai Pegawai Kanan Armada di KD MAHAWANGSA pada tahun 2003.

Disamping bertugas di kapal TLDM, beliau juga pernah menjadi Jurulatih Navigasi di Pusat Latihan KD PELANDOK mulai tahun 1980 hingga 1981 dan sebagai Pegawai Staf (Sumber Manusia) di Markas Tentera Laut pada 1984 hingga 1987. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penolong Penasihat Pertahanan di Kedutaan Besar Malaysia, Jakarta dari tahun 1990 hingga 1993. Beliau pernah menjawat jawatan Pegawai Staf 1 (Rancang) di Markas ATM pada tahun 1995 hingga 1997 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Operasi Pertahanan sehingga tahun 2002. Pada 1 Jun 2004, beliau telah dinaikkan pangkat ke Laksamana Pertama selepas memegang jawatan sebagai Ketua Staf Markas Armada TLDM semenjak bulan Nov 2003. Pada Ogos 2005, Laksamana Muda Dato' Mohd Som telah ditugaskan sebagai Timbalan Ketua Tim Pemantauan Antarabangsa Mindanao selama 1 tahun. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Cawangan Latihan Pertahanan, Bahagian Operasi dan Latihan Pertahanan, Markas Angkatan Tentera Malaysia sejak 18 Sep 2006 sehinggalah diperjawatkan sebagai Panglima Wilayah Laut 1.

Laksamana Muda Dato' Mohd Som juga telah menghadiri berbagai kursus di dalam dan di luar Negara. Antara kursus yang telah beliau hadiri ialah *Navigation Specialization* di United Kingdom pada tahun 1980, Kursus Pegawai Memerintah di KD PELANDOK pada tahun 1982, Kursus Staf di Jakarta pada tahun 1988 dan Kursus di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera pada tahun 1997. Beliau juga memperolehi Advance Diploma dalam Jurusan *Business Engineering Management* dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).






Laksamana Muda Dato' Mohd Som telah dikurniakan beberapa Pingat Persekutuan dan Negeri, Antaranya ialah Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN), pingat Pahlawan Angkatan Tentera (PAT) dan Pingat Pekerti Terpilih yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

YBhg Dato' telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Aini Norlida di Perlis pada 19 Apr 1981 dan mereka dikurniakan 5 orang anak lelaki yang berumur antara 13 hingga 24 tahun. Di masa lapang beliau suka berkebun, berenang dan sangat gemar bermain golf. Beliau seorang yang sangat komited dengan tugas sehinggakan sanggup bekerja sehingga lewat petang. Beliau juga selalu turun padang bagi memantau dan memberi dorongan serta sokongan kepada warga *Navy People* terutamanya di MAWILLA 1. Ini menjadikan beliau sangat disegani dan dihormati kerana sifatnya yang peramah dan bertanggungjawab. Walaupun berat untuk meninggalkan perkhidmatan yang disayangi ini, namun beliau redha dan pasrah kerana faktor usia menjadi penghalang. Diharapkan beliau akan berbahagia dan terus maju jaya dalam apa jua bidang yang akan beliau ceburi. Seluruh warga *Navy People* akan terus mendoakan kesejahteraan YBhg Dato' serta keluarga.

7





PENGLIBATAN ORANG MELAYU DALAM MISI RUNDINGAN MEMBEBAHKAN KAPAL S.S. NISERO

Oleh: Kepten Abdul Kadir bin Zakaria TLDM
Pegawai Memerintah KD SRI INDERA SAKTI
Merangkap Pegawai Kanan Armada TLDM

Berdasarkan Geografi kedudukan tanah Melayu budaya sebagai pelaut telah lama wujud mengikut sejarah Melayu lama. Namun begitu rujukan bagi penglibatan aktiviti pelaut pada waktu itu tidak di dokumentasikan dengan cara yang baik dan sistematik yang menyaksikan penglibatan orang Melayu dalam Tentera Laut Simpanan Diraja Malaya (RMNVR) didokumentasikan dan seterusnya dipilih menjadi tahun keramat penubuhan Tentera Laut Diraja Malaysia. Namun, sebenarnya penglibatan orang Melayu sebagai pelaut dan nakhoda telah bermula sebelum tahun 1934 lagi dan ianya hanya tercatat dalam lipatan sejarah yang mungkin tidak pernah diketahui oleh sesiapaupun melainkan individu-individu itu sendiri dan anak serta cucu-cicit mereka yang terlibat. Orang Melayu telah mula melibatkan diri sebagai nakhoda di bawah Kerajaan Kolonial Inggeris lebih awal dari 1934 dan ini terbukti dari penemuan beberapa penulisan dan salinan surat *testimony* kerajaan Inggeris kepada nakhoda-nakhoda Melayu yang terlibat secara langsung dalam pelayaran bersama pegawai kerajaan Inggeris semasa Tanah Melayu di bawah pemerintahan Kerajaan Kolonial Negeri-Negeri Selat Inggeris.

Selepas kejatuhan empayar Melaka kepada Portugis pada tahun 1511 dan Belanda 1824 dan kemudiannya Inggeris menakluk Tanah Melayu sehingga mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Inggeris menubuhkan kerajaan Negeri Selat bagi mentadbir Tanah Melayu dan Residen Inggeris ditempatkan di semua negeri selat bagi mewakili kerajaan Inggeris bermula di Perak sehinggalah ke Pahang. Penglibatan pembesar-pembesar Melayu Perak sebagai nakhoda dan pelaut dalam Kerajaan Kolonial Inggeris Negeri-Negeri Selat bermula pada tahun 1884 semasa Sir Federick Weld menjadi Governor Negeri Selat. Beliau telah meminta William Edward Maxwell untuk pergi ke Aceh bagi mendapatkan pembebasan kapal S.S. NISERO dari Tengku Imam Muda, Pemerintah Tenom, Aceh. William Edward Maxwell pernah menjawat jawatan Pemangku Residen Penang pada tahun 1887-1889, Residen Selangor 1889-1892, dan Setiausaha Kerajaan Kolonial Negeri Selat Inggeris pada tahun 1892-1895. Beliau yang pernah terlibat dalam ekspedisi menjelajah Perak dalam tahun 1865, fasih berbahasa Melayu dan amat faham akan adat resam Melayu semasa menjadi berada di Tanah Melayu. Sir Weld memilih Maxwell kerana pengetahuannya yang luar biasa mengenai Tanah Melayu dan bahasanya.


Maxwell telah memilih lima (5) orang Penghulu Mukim di Larut yang dikenali rapat dan sangat dipercayainya untuk membantu beliau dalam misi mendapatkan pembebasan kapal S.S. NISERO tersebut. Sir Federick Weld telah mengutus surat kepada Sir Hugh Low, Residen Inggeris di Perak semasa itu untuk mendapatkan persetujuan dari Penghulu-penghulu iukim yang terdiri dari Datuk Penghulu Nakhoda Taruna, Penghulu Jebong di Matang, Taiping, Datuk Penghulu Muda Alauddin di Selinsing, Penghulu Darus di Sungai Tinggi, Datuk Panglima Besar Hj Abdul Rauf di Tanjung Piandang dan Panglima Raja di Batu Tegeh.

Sir Hugh Low telah meminta Penghulu-penghulu Mukim yang terpilih ini untuk membantu Maxwell menyelamatkan kapal Inggeris S. S. NISERO dan anak-anak kapal yang terdampar di Aceh akibat tsunami letupan Gunung Berapi Karakatu pada 27 Ogos 1883. Maxwell yang telah diarahkan oleh Governor Sir Federick Weld tidak mahu sebarang orang Inggeris pun membantu beliau dalam misi ini. Beliau hanya mahukan lima(5) orang Melayu yang sangat dikenali dan dipercayainya sahaja untuk ikut belayar ke Aceh bagi mendapatkan pembebasan kapal S. S. NISERO tersebut. Penghulu-penghulu Mukim di daerah Larut, Perak ini telah belayar bersama Maxwell dari Pulau Pinang ke Aceh untuk misi menyelamatkan tersebut

Kapal Inggeris S.S. NISERO di bawah pemerintahan Kepten Woodhouse dengan 29 anak-anak kapal dan muatan gula telah terdampar di Pantai Barat Aceh pada 8 November 1883. Dari 29 orang awak-awak terdiri dari 18 orang rakyat Inggeris dan selebihnya terdiri dari berbagai bangsa; Belanda, Jerman, Itali, Amerika, Norwegian dan China. Kapal NISERO dan anak-anak kapal kemudiannya ditawan oleh Tengku Imam Muda, Raja Tenom di Aceh bagi tujuan mempergunakan kapal dan anak-anak kapal NISERO sebagai umpan untuk memperlagakan Inggeris dan Belanda. Aceh yang pada masa itu kaya dengan hasil lada dan memerlukan pelabuhan untuk menjual hasil ladanya. Belanda telah memusnahkan seluruh pelabuhan di Aceh bagi menghalang dan Tengku Imam Muda berhasrat untuk mendapatkan campur tangan Inggeris bagi membantu Aceh supaya semua pelabuhannya yang dikepong (blockade) oleh Belanda dibuka semula bagi meneruskan perdagangan lada.

Kepercayaan Maxwell kepada orang Melayu terutamanya yang terpilih untuk mengiringi beliau ke Aceh merupakan penghargaan kepada pembesar dan orang Melayu di Perak pada ketika itu. Penghulu-penghulu Mukim yang dipilih ini telah belayar bersama Maxwell dengan kapal Inggeris HMS Pegasus dari Pulau Penang pada 19 Februari 1884 bagi mendapatkan persetujuan dari Tengku Imam Muda untuk pembebasan anak-anak kapal S.S. NISERO yang ditawan. Datuk Penghulu Nakhoda Taruna adalah Penghulu Mukim Jebong di Matang, Taiping pada waktu itu dan sangat rapat dengan pembesar daerah Larut serta dipercayai oleh Maxwell. Beliau mengetahui penghulu dan orang Melayu yang mengiringi Maxwell dalam misi menyelamatkan tersebut. Bapa Datuk Penghulu Nakhoda Taruna, Nakhoda Sulong (Hj Abd Kadir) b Hj Mohd Kaul b Raja Natan b YDPS Raja Bagawang II, 27th Minangkabau Sultán adalah seorang pelaut dan nakhoda, datuknya Hj Mohd Kaul atau Tok Engku Kali Jamauddin yang berasal dari Padang Ganting, Luak Tanah Datar, Sumatera juga seorang nakhoda dan pelaut yang kental dan dikenali di Sumatera hinggalah ke Aceh. Kesempatan itu digunakan sepenuhnya oleh beliau untuk berhubung dengan Tengku Imam Muda, Pemerintah Tenom bagi mendapatkan pembebasan anak-anak kapal S.S. NISERO.

Selama beberapa bulan dalam perbincangan dan perundingan dengan Tengku Imam Muda, Datuk Panglima Nakhoda Taruna memainkan peranan penting sebagai orang tengah bagi mendapatkan pembebasan anak-anak kapal S.S. NISERO yang ditawan tersebut. Setelah mendapat persetujuan Aceh darihal pampasan yang perlu dibayar oleh Inggeris Maxwell dan Penghulu Mukim telah kembali



ke Tanah Melayu, dan kemudiannya Maxwell telah belayar ke England bagi mendapatkan persetujuan dari Ratu England mengenai permintaan Pemerintah Tenom itu. Selang beberapa bulan kemudian, sekembalinya Maxwell ke Pulau Pinang, beliau dan Datuk Penghulu Nakhoda Taruna beserta adiknya Nakhoda Mat Hassan sahaja telah belayar ke Aceh buat kali kedua pada awal bulan Ogos bersama Maxwell bagi membebaskan anak-anak kapal S.S. NISERO dengan persetujuan dari Ratu England untuk menunaikan segala permintaan Tengku Imam Muda, Pemerintah Tenom.

Setelah mendapatkan pembebasan 18 anak-anak kapal NISERO yang masih hidup dari Tengku Imam Muda pada 10 September 1884, Maxwell dan Datuk Nakhoda Taruna serta adiknya Nakhoda Mat Hassan telah kembali ke Tanah Melayu dengan selamatnya. Sebagai penghargaan kepada mereka Inggeris menawarkan apa saja yang diminta oleh mereka berdua, namun Nakhoda Taruna dan Mat Hassan tidak tamak dan hanya mahukan penglibatan mereka dikenang jasa oleh Inggeris. Kerajaan Negeri Selat Inggeris telah menganugerahkan 27 ekar tanah tiap seorang dan surat penghargaan kepada Datuk Penghulu Nakhoda Taruna dan Nakhoda Mat Hassan. Surat penghargaan (testimony) tersebut yang bertarikh 11.11.1884 membuktikan bahawa orang Melayu telah turut terlibat dalam misi menyelamatkan kapal NISERO di bawah pimpinan Maxwell. Setiap yang terlibat dalam misi tersebut telah diberikan surat penghargaan oleh Inggeris berdasarkan penglibatan dan jasa mereka dalam misi tersebut. Surat penghargaan Nakhoda Mat Hassan ditulis atas penglibatannya dalam pelayaran keduanya bersama Nakhoda Taruna dan Maxwell. Sementara surat penghargaan Nakhoda Taruna mengikut cerita anak cucunya lebih panjang dan terperinci di atas penglibatannya dari mula bukan sahaja sebagai pelaut malah orang tengah dalam misi pembebasan anak-anak kapal NISERO pada 10 September 1884. Kesemua orang Melayu yang mengikut Maxwell dalam misi NISERO telah diberi gelaran Nakhoda oleh Inggeris setelah sekembalinya dari pelayaran ke Aceh tersebut.

Penglibatan pembesar dan penghulu negeri ini adalah merupakan penglibatan terawal orang Melayu sebagai nakhoda dan pelaut dalam kerajaan kolonial Inggeris. Pembesar dan Penghulu Melayu ini juga pada masa itu masih berkhidmat di bawah pemerintahan kerajaan Inggeris sebagai penghulu mukim di Perak dan sangat dipercayai oleh Maxwell, Pemangku Residen Perak pada waktu itu. Kerajaan Kolonial Negeri-negeri Selat Inggeris menaruh kepercayaan yang tinggi kepada mereka untuk turut serta dalam misi menyelamatkan tersebut dan berlayar di atas kapal Tentera Laut Inggeris HMS Pegasus. Mereka merupakan kumpulan orang Melayu pertama yang diperakui oleh Inggeris pada masa itu atas perkhidmatan mereka dan diberi suratakuan (testimony) dan anugerah 27 ekar tanah seorang di atas penglibatan mereka dalam misi menyelamatkan tersebut. Mereka kemudiannya digelar Nakhoda setelah pulang dari pelayaran ke Aceh tersebut.

Mungkin telah tiba masanya mereka-mereka yang terlibat dalam misi menyelamatkan kapal S.S. NISERO pada 1884 diangkat sebagai nakhoda dan pelaut Melayu terawal yang berkhidmat di bawah kerajaan Kolonial Inggeris Negeri-negeri Selat. Mereka bukan sahaja mengharumkan nama kerajaan Tanah Melayu bahkan negeri Perak serta orang Melayu khususnya kerana dipilih dan diberi kepercayaan oleh Inggeris untuk turut serta dalam misi menyelamatkan yang sangat merbahaya itu. Memandangkan mereka ini adalah kakitangan kerajaan yang diantik sebagai Penghulu Mukim oleh Inggeris dan dipilih khusus oleh Residen, seharusnya mereka diangkat sebagai nakhoda dan pelaut serta diplomat yang terawal dalam sejarah Tanah Melayu. Keberanian mereka sebagai nakhoda dan pelaut serta diplomat yang bijak telah dapat membantu Inggeris dalam mendapatkan pembebasan kapal S.S. NISERO dari Tengku Imam Muda, Pemerintah Tenom, Aceh.

Anak-anak kapal NISERO yang terselamat terdiri dari 18 orang sahaja yang masih hidup. Gambar di bawah 17 orang, seorang lagi masih di rawat di Hospital sekembalinya mereka ke Pulau Penang.

1. James Grant, donkey-man. 2. Martin Michelson, seaman. 3. Laurence Miller, boatswain. 4. Ah Foo, second Chinese cook. 6. Franz Jacobson, seaman. 7. Charles S. Crichton, chief officer. 8. J. Thompson, purser. 9. W. Bradley, third engineer. 10. Thomas Bubbs, third officer. 11. L. K. Moore, second officer. 12. John Stanton, fireman. 13. Carl Gronn, seaman. 14. Hametar Haar, seaman. 15. George Essery, first steward. 16. John Kelly, fireman. 17. Olens Holgerson, seaman.

Bibliografi:

Buku:

1. Asal Mula Konflik Aceh, Dari Perebutan Pantai Timur Sumatra Hingga Akhir Kerajaan Aceh Abad ke-19, Anthony Reid, Penterjemah: Masri Maris, Yayasan Obor Indonesia, Jakarta 2007.
2. "Memoir Mustapha Hussain; Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO", Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.ms 102. Malay Nationalism Before UMNO; The Memoirs of Mustapha Hussain, terjemahan Insun Sony Mustapha, Penerbitan Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
3. The Wreck Of The Nisero and Our Captivity in Sumatra, W. Bradley, Samson Low, Marston, Searle & Rivington, Crown Building, 188 Fleet Street, London, 1884.

Surat Penghargaan:

Salinan fotokopi surat testimony kerajaan kepada Nakhoda Mat Hassan. Disimpan oleh Insun Mustapha. Surat Penghargaan (testimony) kepada Nakoda Mat Hasan (Mohamad Hasan), adik kepada Datuk Nakoda Taruna. Kepala surat adalah Crest "Governor Straits Settlements", Dalam Bahasa Melayu: "Bahawa adapun surat ini telah dikurniakan oleh Tuan Gabenor Terutama yang memerintahkan Singapura, Pulau Pinang dan Melaka kepada Mat Hasan ... menjadi... di dalam... mengiringkan Tuan Berhormat William Edward Maxwell bersama-sama dengan orang lain-lain orang Melayu ke Aceh membuat pekerjaan yang dititahkan oleh Kerajaan Queen... akan melepaskan tuan-tuan dan kelasi kapal pecah yang bernama "Nisero" yang telah ditawarkan oleh Raja Tenom... pun sangat mengengankan jasa orang-orang Melayu yang telah pergi mengiringi dia ke Aceh itu adanya.

"Dalam Bahasa Inggeris:

"This document is given by his Excellency the Governor of the Straits Settlements to Mat Hasan of Jebong in Larut, Perak. I ... of Malays who accompanied the Honourable W.E. Maxwell on a mission dispatched by her Majesty's Government to demand the release of the Officers and seamen... from the Rajah of Tenom. The release of survivors has been affected and Mr. Maxwell has... to the value of the services rendered by the Malays who accompanied him..." Signed by: Acting Colonial Secretary, Straits settlement, Acting Governor, Straits Settlements, Tertulis di Colonial Secretariat in Singapore, November 1884. Transmitted to Mat Hasan on 11.11.1884.

Laman Web:

1. <http://en.wikipedia.org>.
2. http://en.wikipedia.org/wiki/1883_eruption_of_Krakatoa.
3. <http://www.jannaton.net/sejarah%20keluarga/NakodaTarunaTripAceh.pdf>.
4. [http://en.wikipedia.org/wiki/HMS_Pegasus_\(1878\)](http://en.wikipedia.org/wiki/HMS_Pegasus_(1878)).
5. http://en.wikipedia.org/wiki/Aceh_War.
6. http://en.wikipedia.org/wiki/Military_history_of_the_Netherlands.
7. <http://www.archive.org/stream/wreckniseroando01bradgoog#page/n9/mode/1>

Temubual:

1. Encik Osman Hussain, Jalan Menteri, Matang, 34100 TAIPING, Perak Darul Ridzuan. (cucu Nakhoda Mat Hassan).
2. Puan Insun Sony binti Mustapha Hussain, Villa Mustapha, Jalan Intan 4, Venice Of Perak, 32100 LUMUT, Perak Darul Ridzuan. (cicit Nakhoda Mat Hassan).





SUPER LYNX ULTIMATE CHALLENGE IN THE GULF OF ADEN

22 Jul 2009 to 25 Jan 2010

By: Lt Cdr Mohamad Sham Saiman RMN
OP FAJAR 5 Super Lynx Flight Commander

MV BUNGA MAS LIMA

The demand to protect Malaysian trading ships in the Gulf of Aden has finally evoked the conversion of MV BUNGA MAS LIMA as the first Naval Auxiliary Vessel. This is the joint effort between the government of Malaysia, Royal Malaysian Navy and the first MISC. MV BUNGA MAS LIMA was modified to have aviation facilities such hangar and helipad. The ship was then tasked to carry out Op Fajar 5 since 22 Jul 2009. A complete team of Super Lynx detachment embarked the ship as a force multiplier other than the PASKAL, PASKAU (TUDM) and RGK (TDM).



The Detachment Team

MV Bunga MAS LIMA has made a history to 501 Squadron to be the first merchant ship designated as mother ship for Super Lynx helicopter. 501 Squadron detachment team comprised of a pilot as flight commander, a Tactical Commander (TACCO) and an Air Quartermaster (AQM). The engineering team is headed by a Senior Maintenance Rating (SMR) and six other technicians to make sure the helicopter serviceability throughout the operation. As a complete team, a Helicopter Approach Controller (HAC) is also appointed for this mission in order to assist the air operation.

Different Flying Environment

Gulf of Aden has recently become the playing ground for Super Lynx helicopter. This area provides new condition for flying and extra challenges for the air crew to bear in mind. Though the humidity is less compared to Malaysia, the wind is greater in speed, which alters the flying state. In calm sea, wind normally blows from 20 to 30 knots but in rough sea condition it may reach up to 45 knots. All flying operations must be tackled with full situation alertness, and safety is the most paramount agenda. The Super Lynx is specifically designed to operate in this phenomenon. It is all up to the pilot to judge the current situation and to decide a go for any flying operation.

PASKAL Transfer

The fastest mean to transfer PASKAL to MISC ship is by using Super Lynx. Adaptation to situation is brainstormed prior to every flight in order to get the best method. A set of PASKAL team together with their weapons and equipment would normally carry a certain payload and fuel/weight calculation must be precise. Combination of fast roping and winching is the best method to send the team to any MISC ship which is normally within 1 nautical mile position.

Super Lynx is capable of doing fast roping for 6 PASKAL at one time and it will take not more than 2 minutes to clear all the men to the ship deck. However, their equipment has to be lowered down by winching for safety reason. This capability alleviates the transfer and normally the Super Lynx can send 1 to 2 teams of PASKAL if there are two MISC ships that require escort.

Fuel Transfer

In some unforeseen circumstances, the fuel supply for Super Lynx is insufficient onboard MV BUNGA MAS LIMA. MISC has put in their best effort to provide the Super Lynx with enough fuel for air operation by sending them in drums via other MISC ship. This fuel drums can only be transferred using the Super Lynx by load lifting technique.



Deck Landing on Merchant Ships

Op Fajar 5 also provides the best opportunity for the Super Lynx pilot to practise deck landing on the MISC ship which has helipad or designated landing area. Crude oil tankers normally have this facility and PASKAL transfer is made easier only by several deck landings. Not many pilots have this opportunity to perform a deck landing onboard merchant ships and Op Fajar 5 is the first for the Super Lynx itself. The landing and takeoff procedure is also differs from the normal landing onboard most navy ships. Cross deck landing is the method for this type of ship.



Recovery of PASKAL

At certain point when a boat is not suitable to be deployed, Super Lynx once again will settle the job to recover the PASKAL team from MISC Ship. The recovery method is slightly different from the transfer due to certain type of ship and situation. Combination of winching and spie rig is the best option for this task. However, there are times when only winching is appropriate to conduct the operation.

Royal Air Force Base Oman (RAFO)

After 4 months at sea, the Super Lynx suffered some corrosion problems and due for its servicing. Due to the sea condition and facilities, the problems cannot be resolved without the assistance from the Royal Air Force Oman (RAFO). Government to government dealing was made between Malaysia and Oman to fly the aircraft to RAFO and to carry out maintenance, corrosion survey and treatment. At the same time, the 501 Squadron sent an Aeronautical Engineering Officer (AEO) and a technician from Lumut to assist the detachment at RAFO.

All required facilities were given by RAFO and the problems were solved within 2 days. To complete the procedure, a flight test was conducted in Oman air space and followed by a compass swing to make sure the helicopter is fully serviceable and all errors are minimised.

Upon completion of the maintenance and servicing, the RAFO has given the best hospitality by organising a trip for the air crew to visit few interesting places and historical mausoleums around Salalah. After 4 days of stay at RAFO, the aircraft finally flew back to join MV BUNGA MAS LIMA and continue its task in the Gulf of Aden.

Armaments

In case of conflict situation or any task regarding anti piracy where attack is imminent, Super Lynx is also equipped with M3M machine gun for self defence and it can also be deployed as a sniper at any time. A sniper will be carried in the cabin and will provide cover for the assaulted team. Fortunately, there are no threats throughout the operation and the Super Lynx is not yet tested under this circumstances but the crew is always ready.

Achievement

Squadron 501 has involved with this operation since OP FAJAR 1 and the summaries are as follows:

OP FAJAR 1 – KD LEKIU
2 Sep 2008 – 20 Oct 2008

OP FAJAR 2 – KD MAHAWANGSA
7 Sep 2008 – 16 Dec 2008

OP FAJAR 4 – KD SRI INDERAPURA
10 May 2009 – 23 Jun 2009

OP FAJAR 5 – BUNGA MAS LIMA
23 Jun 2009 – 10 Feb 2010

The Op Fajar 5 was made better with the credibility of Super Lynx to operate in high sea state and the ability to perform its operation with the wind speed reaching 50 knots. Ship escorting was satisfactorily conducted without failure to send the PASKAL team onboard. A boat was used to ferry the PASKAL during calm sea and Super Lynx will do the job during rough sea condition.

As a final result, the operation has benefited the aviators and technicians in terms of experiences and a test to operate the helicopter in its ultimate challenges. To this extent, the success of air operations for the Super Lynx onboard MV BUNGA MAS LIMA could be measured with 100 deck landings, 150 winching operations, 10 Spie Rigs, 15 Load Lifting and 34 flying sorties for the second detachment.

The Super Lynx detachment onboard MV BUNGA MAS LIMA is also the longest duration of RMN Super Lynx to operate at open sea which clocked 7 solid months.





KAPAL DIRAJA SU TAN ABDUL AZIZ SHAH

PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL MENITI ERA PERCETAKAN CARTA NAUTIKA

Oleh: Lt Kdr Ahmad Rizuan bin Hussin TLDM

PHN melangkah setapak ke hadapan lagi dengan perolehan Mesin Percetakan khusus untuk percetakan carta nautika, sesuai dengan pengiktirafan persijilan ISO 9001:2008 dengan skop "Kompilasi Maklumat Hidrografi, Oseanografi dan Meteorologi Merangkumi Penerbitan Carta Nautika, Jadual Pasang Surut dan Laporan Alam Sekitar" yang diterima oleh PHN.

Sebelum ini, proses penerbitan bermula dari pengumpulan data – data pengukuran dari kapal hidrografi, melalui proses kawalan mutu dan seterusnya diterjemahkan ke bentuk carta nautika menerusi perisian Computer Aided Resource Information System (CARIS). Namun proses penerbitan yang dilaksanakan oleh PHN sebelum ini hanya berakhir hingga deraf terakhir diluluskan oleh Ketua Pengarah Hidrografi kerana proses seterusnya merupakan proses percetakan yang dikendalikan oleh firma luar.

Pada penghujung tahun 2009, PHN mula menerima Mesin Percetakan ini secara berperingkat. Ini bermakna wujud cabaran bagi PHN untuk merealisasikan penerbitan carta nautika secara in house keseluruhannya. Jentera Mitsubishi 5F dari Jepun ini berupaya untuk mencetak carta nautika hingga saiz extended double elephant (EDE), iaitu saiz yang besar melebihi saiz A0. Jika dibandingkan sebelum ini, PHN hanya berupaya mencetak block correction yang bersaiz kurang dari saiz A3 sahaja.

12

Dalam bidang percetakan, terma dan bidang tugas percetakan terbahagi kepada 3 komponen utama iaitu:

- Prepress (Pra Percetakan)
- Offset Press (Percetakan Offset)
- Post Press (Pasca Percetakan)



- Sel Computer to Plate (CTP)

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pengimejan dari imej digital ke plate. Imej digital yang telah disunting dari Sel Grafik akan diterjemahkan ke plate menggunakan mesin CTP.



PREPRESS

Bahagian ini terbahagi kepada 2 sel utama iaitu:


- Sel Grafik



Bahagian ini bertanggungjawab terhadap kawalan grafik dan perancangan percetakan. Kemahiran grafik yang dimiliki oleh staf di sel ini merupakan nadi terhadap produk yang akan dihasilkan. Perisian ESKO Artwork digunakan untuk proses penyuntingan Carta MAL.

Perancangan pra percetakan meliputi penugasan berikut:

- Typesetting
- Copy-editing
- Markup
- Colour Proofing
- Proofreading
- Screening
- Imposition





Kenapa percetakan dikenali sebagai Offset Press?

Proses percetakan *offset* atau *offset press* adalah proses percetakan yang bukan secara terus ke medium atau kertas.

Jika diperhatikan pandangan sisi peralatan percetakan, dimana *plate* yang memiliki imej diletakkan di *plate cylinder*, memindahkan imej ke kertas melalui *offset cylinder*.

Proses pemindahan menggunakan medium ketiga ini dikenali sebagai *offset*, manakala proses penghasilan imej dan warna hasil dari tekanan dikenali sebagai *press*.




POST PRESS

Bahagian ini merupakan bahagian terakhir dalam proses percetakan. Di sini penjilidan yang merangkumi proses *collate*, *stitch*, *trim* dan *bind* dilaksanakan. Beberapa mesin baru diterima serentak dengan perolehan Mesin Percetakan iaitu:

- 40 bin Suction Feed Collator
- Big Size Cutter Machine
- Binding Machine

Sungguhpun PHN telah berkecimpung dalam dunia percetakan ini telah lama iaitu semenjak penerbitan carta nautika yang pertama pada tahun 1984, namun bidang tugas sel percetakan menjurus kepada percetakan *block correction* bagi menyokong penerbitan carta nautika. Justeru, penerimaan Mesin Percetakan ini memberi cabaran kepada PHN untuk melengkapkan langkah seterusnya dalam proses penerbitan carta nautika yang sebelum ini dilaksanakan oleh firma luar.

Cabaran pertama yang mula dirasakan adalah untuk melahirkan anggota terlatih dalam bidang percetakan ini dan seterusnya untuk mengekalkan warga yang terlatih kekal di bahagian ini bagi menjaga mutu Carta MAL di peringkat antarabangsa. SEDIA BERKORBAN.





The creation of maritime zones has resulted to the new process in international relations known as maritime boundaries delimitation. The boundaries delimitation is required as a result of the 1958 Geneva Convention on Continental Shelf and 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea that created a list of new zones namely, Contiguous Zone (CGZ), Exclusive Economic Zone (EEZ) and Continental Shelf Zone (CSZ).

What Make the Process Complicated?

The invent of UNCLOS recognizing the exclusive jurisdiction and rights of coastal state to explore and exploit natural resources over the created maritime zones have a large effect to coastal states survivability. Of the 135 states that are parties to UNCLOS, 120 are coastal states. Induce by the rights given; states make declaration so as to facilitate economic activities over the area. With the creation of EEZ and Continental Shelf, more often than not, you'll come close, as most countries are less than 400 nm or 700 nm in adjacent or opposite. There are three types of maritime boundary namely territorial sea boundary that is 24nm apart, EEZ boundary 400nm apart and Continental Shelf boundary which is 700 nm apart. With it also come about the technical nature on features that influence the process of delineating maritime boundary.

Despite the considerable process in inventing UNCLOS, the legal frameworks leave an ample scope over different of interpretation and vague provision. These definitions and provisions are crucial in determining maritime boundaries, more so when conducting the maritime delimitation process. In achieving an "equitable solution" as articulated by Article 74(1) and 83(1) of UNCLOS, both claimants have to agree on the whole process of defining the technical aspect. Any different of interpretations are generally expected as it is indeed a very delicate issues to resolve. The following paragraphs outline some provisions and technical term that had complicated the process.

The breadth of maritime zone measured from the baselines. Thus in any maritime claims, it is fundamental to understand the nature of its baselines. There are f w o

types of baselines namely normal baseline and straight baseline. For normal baseline, as it starts from the low water line along the coast, it seldom creates a problem. However, the criteria set upon in employing straight baseline are usually been taken into advantage. The criteria such as "deeply indented", "cut into", "highly unstable", and "sufficiently closed" are some of the provision that has been utilised in state practice to their advantages. Moreover, Article 14 of UNCLOS gives liberty for states to determine whether to use normal baseline or straight baseline or both.

The system is open for wide interpretation and most states employed a more "liberal or even excessive straight baseline system" to extend their offshore line so as to secure maximum area of maritime zone. Importantly, UNCLOS provides that the "landward side of the baseline...form part of the internal waters of the State." This means water enclosed by straight baseline is subject to the full jurisdiction of the states thereby reducing the navigable water available for the use of other states.

In determining baseline, basepoint form an intricate criterion. As normal baselines are form by the low water line, it brings about the technical aspect of determining the 'line'. It leads to the selection of vertical datum as "...the lower the low water line selected, the further seaward the normal baseline" will lie. In the case of Belgium and France dispute over the feature called

THE MAJORITY OF POTENTIAL MA WORLDWIDE REMAIN UNDELIMITED DOES

Banc Breedt, the difference choice of tidal datum has resulted to non-existence of the feature in the Belgium chart hence in Belgium perspective, that feature is unsuitable for the use as a basepoint. Besides that the selection of geodetic datum to facilitate coordinates need to be agreed upon prior to negotiation. The choosing of other features such as low tide elevation, reefs, river mouths and bays as a basepoint also complicate the boundaries delimitation as far as interpretation is concern.

Another significant feature in boundary delimitation is the inclusion of island. Island disputes concern on two types that is the sovereignty of the islands and maritime zone generated from it. In any case, to begin maritime delimitation process, the sovereignty of island need to be determined first before advancing on the role of it. The process of determining it will depend on the willingness of parties to solve it through negotiation or formal institution. There are 27 cases of sovereignty disputes over island in the world.

As for the role of island, interestingly, a land when classified as an island is capable to generate full maritime zones. This means an island could claim up to 125,664 nm² if no maritime boundaries within 400nm of it. Although Article 121(1) clearly give definition on what constitute an island which is "naturally formed area of land, surrounded by water, which is above water at high tide", on defining it, technical aspect need to be applied to constitute the criteria such as what is naturally formed and which high tide to refer to. The regime of island does provide a discount on the capacity of rock not to generate EEZ or CSZ. However the provision of "cannot sustain human habitation or economic life of their own" is subject to different interpretation. The effort

of Japan in preserving the status of southernmost islet of Okinotorishima above the high tide level as an island is such example the extent of country willing to commit in getting the status of an island. Nevertheless, the Japan's effort was argued to the case of "rock" which does not have full effect of maritime zones.

Undoubtedly, maritime delimitation process is often complex and time consuming. In the case of Argentina and Chile over Beagle Channel it took 17 years to complete, Continental Shelf in North Sea between Germany, Denmark and Netherlands took 8 years, Canada and U.S in Gulf of Maine 8 years and Vietnam and China in Gulf of Tonkin as long as 30 years. In East Asia, out of a total of about 75 different maritime boundaries, only 15% have so far being agreed upon. Worst still, the inclusion of treaty and historic argument in determining the sovereignty of sea areas and islands almost definitive a deadlock. In the case of Philippines claims, the rights and sovereignty of the 'box' was ceded from the U.S whilst for Vietnam the territory was ceded from the France. Understandably, some countries such as Philippines, Russia and North Korea do not give any priority to the demarcation of the boundaries due to the nature aforementioned. Nonetheless, international law provides enough avenue and platform to solve the maritime boundaries dispute and Chapter VI of UN Charter clearly outlines the dispute resolution.

approach to ocean management". In the world, there are at least 22 of such zones exist.

With the exhaustive avenues and platforms, no states would be able to give an excuse for not forwarding maritime boundaries delimitation. Ignorance would be seen as lack of political will which relates to their relations with neighbouring countries. Any degree of uncertainty exist in their maritime space is considered "pain in the back of the head" until it is resolved.

Factors to lead Maritime Delimitation

There are always negative and positive impacts for maritime delimitation. On the negative aspects, let alone the cost involve, the lengthy and complex process, and the risk of losing such water would pose a demotivational factor towards advancing the boundaries delimitation. However there are abundant reasons that boundaries delimitation should also be propagated. One of the clear motivational factors would be resources related, however there are more factors to encourage the delimitation either to the benefit of the states concern or to other states as well.

Conclusions

Maritime delimitations are certainly vital in improving international relations. At any instance, any outstanding bilateral agreement would erupt into confrontation thus disturbing world peace. Countries may opt to several methods and means to resolve it peacefully. Failing which, countries could also submit for binding judgment thus releasing its responsibilities from the "strain" issue and to get the government "off the hook". Importantly, the process of delimitation in maritime space would promote the spirit of UNCLOS as stipulated in the preamble that is, to "promote the peaceful uses of the seas and oceans, the equitable and efficient utilization of their resources, the conservation of their living resources, and the study, protection and preservation of the marine environment." Thus far, Malaysia has gone to International court of justice in resolving the issue of sovereignty over Sipadan Island and Batu Puteh. The technical committee was then established to conduct joint survey and carry out a delimitation process. This arrangement is developed through mutual trust and confidence in finding an equitable solution.

By : Kdr Shaiful Nizam Abd Manan TLDM
PS 1 Strategi Maritim, RANOP, MKTL

MARITIME BOUNDARIES

IT MATTER?

Advancing Maritime Delimitation Process

Overlapping claims in any way will result to dispute and states are under obligation to settle disputes by peaceful means. States are free to resolve dispute in whatever means but Article 33 of the UN Charter list out the common means for international dispute settlement that is by "negotiation, enquiry, mediation, conciliation, arbitration, judicial settlement, resort to regional agencies or agreement, or other peaceful means of their choice." UNCLOS on the other hand provide guidance on maritime boundaries delimitation through Article 15, 74 and 83. The preferred process should be agreed by all parties involved. Should there be any points of disagreement "within reasonable time," states shall resort to the procedures laid out in Part XV of UNCLOS which is consistent with UN Charter above.

Another means that UNCLOS provide to encourage settlement pending any agreements is by means of "provisional arrangements of practical nature". This will in any way benefited parties as economic activities can be advance base on agreement. The advantage of having such avenue is that it provides an alternative to dispute resolution or an additional mechanism in solving partial disagreement over boundaries. It also improved relation between parties as "claims unaltered in principal", offshore economic activities can be advance and promoting a "more broadbased, functionalist and comprehensive



New Generation Patrol Vessel Langkah Pertama Ke Arah “World Class Navy”

Lt Mohd Shahid bin Mazlan TLDM
Lt Mohamad Nazmi bin Zailan TLDM
Lt Dya Muiz Hakim bin Chuni TLDM
Lt Dya Zawir Hafiz bin Nodin TLDM
Lt Dya Azmin bin Abas TLDM



16

Abad ke-21 adalah era di mana laut adalah nadi untuk kehidupan. Laut berfungsi sebagai laluan perhubungan selain membekalkan sumber yang tidak ternilai dalam menjana ekonomi sesebuah negara. Maka, sebagai organisasi yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menjaga perairan negara, TLDM memerlukan unsur atau kapal yang mampu untuk melaksanakan bukan sahaja tugas-tugas rondaan yang menyeluruh malah mempunyai kemampuan untuk bersaing dengan kapal-kapal tentera laut asing dari segi sistem dan teknologi. Justeru, pembinaan Kapal Peronda Generasi Baru atau lebih dikenali sebagai *The New Generation Patrol Vessel* (NGPV) merupakan jawapan TLDM kepada keperluan ini. Ini kerana selain daripada menjaga kedaulatan perairan dan kepentingan maritim Negara, NGPV dapat melaksanakan tugas membantu menguatkuasakan undang-undang perairan Negara seperti akta imigresen, perikanan, kuarantin, penyeludupan serta membendung aktiviti jenayah di laut.

Terhasil daripada program NGPV, sebanyak 6 buah kapal telah dibina daripada 27 unit yang dirancang. Pada tahun 1996, Kerajaan Malaysia telah membuat satu tawaran tender dibawah program NGPV bagi mereka bentuk kapal peronda yang mampu digerakkan di kawasan luar pesisir bagi menjaga kedaulatan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia seluas 200 batu nautika (bn). Rancangan perolehan dibuat sebagai salah satu pelan modenisasi keupayaan TLDM dalam menggantikan platform-platform lama dalam inventori TLDM seperti Kapal Ronda yang telah berusia

lebih 30 tahun dalam perkhidmatan, dan kapal-kapal yang telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM). Disamping itu, program tersebut turut menasaskan satu pindahan teknologi kerana sebahagian besar kapal akan dibina dan dipasang oleh firma tempatan. Ini bagi membuktikan keupayaan firma-firma tempatan mampu untuk menghasilkan kapal yang akan berkhidmat dibawah pemerintahan TLDM sendiri.

Sebanyak 2 buah kapal telah di bina oleh Howaldtswerke, Jerman manakala selebihnya dibina oleh Limbungan Boustead Naval Shipyards (BNS) di Lumut, Perak. Kelas Kedah atau MEKO A-100 (*Merzweck Combination*) yang bermakna kombinasi pelbagai guna dibina berasaskan keperluan sebuah platform moden dengan ciri-ciri halimunan, senyap, kurang kesan haba dan kos operasi yang rendah. Penggunaan teknologi pengurusan moden automasi dan berkomputer melalui sistem *Ship's Control and Monitoring System* (SCAMS) dalam tugas memantau dan mengawal setiap kemudahan seperti penjana kuasa, kawalan kerosakan, persenjataan sampingan dan sistem



elektronik turut dimanfaatkan. Sistem SCAMS turut membantu dalam mengurangkan jumlah anak kapal memandangkan pemantauan dan kawalan kapal dilakukan secara automasi.

Pembinaan kerangka dan badan platform pula telah menggunakan konsep modular iaitu kaedah pembinaan bahagian kapal yang menggunakan blok-blok dan dipasangkan bersama. Kelebihan konsep modular membolehkan setiap konfigurasi platform dapat dilakukan dengan mudah berasaskan keperluan semasa dan akan datang. Bagi memastikan kapal NGPV mampu digerakkan di kawasan luar pesisir pantai, 2 unit enjin diesel jenis Caterpillar 3616 telah dipasang sebagai kuasa gerak. Kedua-dua enjin akan dikawal selia menggunakan sistem SCAMS bagi mengoptimumkan pengawalan dan senggaraan jentera. Enjin Caterpillar 3616 yang menjana sehingga 5,450kw kuasa (atau bersamaan dengan 16,000bhp) mampu menggerakkan kapal NGPV pada kelajuan maksima 22 knots. Manakala pada kelajuan 12 knots (kelajuan ekonomi) pula, kapal NGPV mampu menjangkau pelayaran sehingga 6,000 bn.

Kapal- kapal NGPV juga dilengkapi dengan sistem kawalan perintah tempur iaitu sistem Atlas COSYS-110 M1 yang dibekalkan oleh firma tempatan iaitu Atlas Defence Technology Sdn Bhd. Kapal NGPV juga dilengkapi dengan sistem penjejak pelbagai peranan yang terkini keluaran firma EADS iaitu TRS-3D/16 ES yang mampu mengesan ancaman dan sasaran dalam bentuk 3 dimensi dengan jarak maksimum 108bn. Bagi sistem kawalan tembakan, NGPV dipasangkan dengan TMX/EO *Electro-optic Fire Director* buatan firma Oerlikon Contraves, Switzerland manakala Sistem Thales Sceptre X/Sealion ESM untuk pertahanan/ peperangan elektronik serta sistem Sippican ALEX Mk 137 ECM bagi pertahanan pasif yang mengawal pelancaran pengumpan, penyerak dan penjana tabir asap. NGPV juga dilengkapi dengan sistem navigasi radar STN 9600 Atlas di mana sistem ini dibina dengan kerjasama firma Atlas Elektronik GmbH, Jerman.

Satu unit meriam Oto Melara 76mm dan satu unit meriam Oto Melara/Mausser berkaliber 30mm merupakan sistem persenjataan utama kapal NGPV buat masa ini. Kedua-dua meriam ini dikawal sepenuhnya secara automasi dan boleh dikawal secara manual sekiranya perlu. Kedua-dua meriam buatan firma dari Itali ini sememangnya telah mendapat kepercayaan banyak negara dalam melengkapkan kapal tempur mereka. Selain berfungsi sebagai pemusnah sasaran permukaan, meriam ini juga mampu dikerahkan untuk memusnahkan sasaran udara dan bantuan penembakan ke daratan. Sungguhpun begitu, jika perlu kapal NGPV boleh dilengkapi dan dipasang dengan sistem misil. Pemasangan dapat dilakukan dengan mudah dan cepat berbanding dengan platform lain kerana reka bentuk kapal NGPV yang berkonsepkan *fitted for but not with* (FFBNW). Turut tersedia adalah hangar yang mampu menggandakan keupayaan kapal semasa beroperasi dan hangar kapal NGPV mampu menerima helikopter saiz sederhana dan sememangnya direka khusus untuk helikopter jenis Sea Sprite. Walau bagaimanapun, ia juga boleh dijadikan sebagai platform untuk aset organik yang dimiliki oleh TLDM iaitu Super Lynx dan Fennec.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada sistem dan kemampuan, kapal NGPV telah menjadi antara aset terpenting TLDM dalam menjaga kedaulatan perairan negara. Kebolehan kapal kelas ini untuk dipertingkatkan keupayaannya pada masa akan datang membolehkan TLDM menghadapi sebarang operasi maritim yang mungkin berubah mengikut doktrin dan teknologi. Mengikut kaedah operasi maritim NGPV boleh digerakan untuk beberapa operasi maritim seperti operasi peperangan maritim, operasi diplomasi ketenteraan dan operasi rondaan penguatkuasaan undang-undang. Justeru dengan kecanggihan NGPV ini semestinya telah mentransformasikan TLDM ke arah armada yang lebih berkredibiliti dalam menghadapi senario ancaman semasa dan mendatang.





KEJOHANAN SUKAN 3 PENJURU SKTLDM KAWASAN LUMUT

PADA 30 JUN, 7 JUL & 14 JUL 2010

ANJURAN : STESEN KOMUNIKASI TLDM PARIT

PEMBUKAAN DAN PERASMIAN 2010

Oleh : 816447 PW | KMT Ahmad Nazri bin Hj. Ahmad TLDM



18

Tanggal 30 Jun 2010 merupakan satu detik bersejarah bagi Stesen Komunikasi Tentera Laut Di Raja Malaysia Parit (SKTLDM Parit) kerana telah mengadakan pembukaan sukan tiga penjuru yang mana SKTLDM Parit telah dipilih menjadi tuan rumah untuk temasya sukan kali ini. Sukan tiga penjuru ini melibatkan unit stesen komunikasi kawasan Lumut, (SKTLDM Parit, SKTLDM Sitiawan dan SKTLDM Lumut)

Majlis pembukaan acara tahunan SKTLDM yang berlangsung pada jam 1400h ini telah dihadiri oleh Pegawai Kanan Sistem Komunikasi TLDM (PKSK TLDM) Kept Chan Peng Cheong TLDM, Pegawai memerintah (PM) SKTLDM Parit Kdr Hj Jamislan bin Haji Abdul Jalil TLDM, PM SKTLDM Lumut Kdr Azhar bin Baharum TLDM dan PM SKTLDM Sitiawan Lt Kdr Mohd Rodzi bin Dandan TLDM.

Sebelum acara pembukaan bermula, PKSK TLDM Kept Chan Peng Cheong TLDM telah menandatangani Buku Lawatan SKTLDM Parit sebagai simbolik kehadiran beliau ke SKTLDM Parit secara rasmi.

Pembukaan sukan tiga penjuru 2010 ini dimulakan dengan acara berjalan laluan melibatkan ketiga-tiga SKTLDM. Pelbagai aksi dan gaya persembahan dipertontonkan kepada PKSK TLDM, PM serta para hadirin.

SKTLDM Lumut mendahului acara berjalan laluan dengan keanggotaan kontinjen seramai 40 anggota yang diketuai oleh PW I KOM (KMR) (i) Ramlee bin Kassim. Bagi menambahkan kemeriahan pembukaan, SKTLDM Lumut telah membawa

maskot harimau bagi mengiringi kontinjen sekaligus mencuri tumpuan penonton dengan gelagat yang ditonjolkannya.

Kontinjen ini telah mempersembahkan demonstrasi seni bela diri pencak silat dengan diiringi alunan muzik yang menambahkan lagi kerancakan kejohanan.

Selepas persembahan tersebut, kontinjen SKTLDM Lumut melakukan formasi susunan papan huruf memaparkan 'Lumut RMN COMMS STATION' dan rentangan kain 'kemenangan milik kami' sebagai slogan kontinjen mereka.

Perbarisan berjalan laluan diikuti oleh kontinjen SKTLDM Sitiawan yang diketuai oleh BM TLR Zailee bin Sahat. Kontinjen ini mempamerkan aksi farian para yang dibarisi oleh 40 anggota. Kontinjen ini mempamerkan skrol 'SKTLDM Sitiawan' di akhir persembahan mereka.

Kontinjen terakhir adalah dari kontinjen tuan rumah iaitu SKTLDM Parit. Kontinjen yang dibarisi seramai 40 anggota ini diketuai oleh LK KOM (MKR) Adzhar bin Yusof mendapat sorakan gemuruh oleh hadirin sebaik melangkah masuk. Kontinjen ini juga telah mempersembahkan demonstrasi tempur tanpa senjata (TTS) dan mempamerkan aksi mematahkan kayu menggunakan teknik asas TTS yang mendapat sorakan dan tepukan yang gemuruh oleh penonton.

Selepas acara berjalan laluan berlangsung, acara diteruskan dengan nyanyian lagu Samudera Raya sebagai suntikan semangat kepada warga 'Navy People' yang bertanding dan diikuti dengan bacaan ikrar kejohanan sukan tiga penjuru yang telah disempurnakan oleh LK I PAP Ahfiza bin Ahmad dari kontinjen SKTLDM Parit. Beliau diberi penghormatan tersebut kerana telah banyak melibatkan diri dalam acara sukan bola sepak dari peringkat unit sehingga ke peringkat ATM.





Majlis diteruskan dengan ucapan aluan oleh pm SKTLDM Parit. Dalam ucapan tersebut, beliau menerangkan bahawa kejohanan kali ini amat berbeza dari kejohanan yang lalu kerana banyak pembaharuan telah diselitkan bagi memberikan kelainan antaranya ialah, persembahan kontinjen, larian '1 SK' dan sudut pameran. Di kesempatan itu juga, beliau menasihatkan kepada semua pemain agar bermain dengan semangat kesukanan yang tinggi.

Seterusnya, majlis telah menjemput PKSK TLDM untuk memberikan ucapan sekaligus merasmikan upacara pembukaan sukan tiga penjuror SKTLDM kawasan Lumut. Dalam ucapan tersebut, beliau menyeru kepada seluruh kontinjen agar menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi demi memartabatkan nama baik unit yang diwakili disamping mempamerkan bakat yang ada untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Setelah selesai ucapan, beliau dijemput untuk memotong riben sebagai tanda perasmian kejohanan sukan tiga penjuror SKTLDM kawasan Lumut.

Kemudian, PM SKTLDM Parit mengiringi PKSK TLDM Kept Chan Peng Cheong TLDM untuk diperkenalkan kepada kontinjen. Selesai upacara perasmian kejohanan, beliau bersama PM dijemput untuk melawat kawasan pameran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Seluruh warga SK berkumpul di hadapan balai pengawal tadbir untuk memulakan larian '1 SK'. Acara larian tersebut telah disempurnakan oleh PKSK TLDM dengan menekan bunyian siren yang menandakan bermulanya acara larian.

Lebih bermakna lagi, larian tersebut telah disertai PKSK sendiri bersama PM SK TLDM kawasan Lumut. Larian sejauh enam kilometer yang bermula pada jam 1545h tersebut dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori A (18-29 tahun), kategori B (30-39 tahun) dan kategori C (40 tahun keatas). Acara kategori A telah dimenangi oleh LK KOM Mohd Nazri dari SKTLDM Lumut dengan catatan masa 32 minit 47 saat. Manakala, kategori B telah dimenangi oleh LK I PAP Antoni dari SKTLDM Seliawan dengan catatan masa 36 minit 15 saat dan kategori C pula telah dimenangi oleh PKSK TLDM, Kept Chan Peng Cheong TLDM.

Secara keseluruhannya, SKTLDM Seliawan telah mendahului dengan lima pungutan mata, manakala, SKTLDM Lumut diletakkan kedua dengan tiga pungutan mata, dan SKTLDM Parit di tempat ketiga dengan satu pungutan mata. Beberapa agensi kerajaan juga telah bekerjasama dengan pihak tuan rumah iaitu pejabat Polis Daerah Perak Tengah bagi mengawal keadaan trafik di Trek Larian dan Pejabat Kesihatan Bota membantu peserta yang mengalami kecederaan semasa larian berlangsung.




Upacara penyampaian hadiah kepada para pemenang acara larian '1 SK' telah berlangsung di astaka. Dalam majlis tersebut, pihak unit telah berbesar hati menjemput tetamu jemputan bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang, antaranya ialah pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), pegawai polis Daerah Perak Tengah, dan juga Pegawai Kesihatan Daerah Bota. Kejohanan yang sebegini adalah amat penting bagi TLDM khasnya dan ATM amnya dimana anggota dapat menunjukkan bakat yang ada untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi selain dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga.





Penjagaan Aset Kerajaan

Oleh : Lt Dya Muhamad Saufi bin Zolkafli TLDM



Kerajaan telah mengeluarkan sejumlah bajet yang besar dalam memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemudahan serta fasiliti yang berkualiti. Begitu juga dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak TLDM untuk menjaga dan memelihara setiap kemudahan yang diberikan. Namun begitu, diperhatikan pada masa ini, kesedaran menjaga harta benda kerajaan semakin merosot berikutan beberapa kes dan kejadian yang tidak diingini dilaporkan.

Kemudahan ataupun boleh dikenali sebagai aset kerajaan adalah seperti bangunan, perkakasan komputer, jentera, kenderaan dan pelbagai lagi. Rujuk kepada Dasar Aset Kerajaan Malaysia, aset kerajaan didefinisikan sebagai harta benda kepunyaan atau milikian atau di bawah kawalan kerajaan yang dibina atau dibeli atau yang disewa atau yang dipajak dengan wang kerajaan atau yang diterima melalui sumbangan atau hadiah atau proses perundangan atau diperolehi melalui sumber lain atau pembaikan atau penyelidikan atau warisan.

Pengurusan aset yang lemah telah menyebabkan kemudaratan atau kerosakan kepada penggunaan aset-aset yang disediakan oleh kerajaan. Kerosakan boleh dibahagikan kepada 2 jenis iaitu kerosakan kecil iaitu kerosakan yang boleh dibaiki sendiri atau dalam Naval Term dipanggil paintwork dan kerosakan besar iaitu memerlukan pihak ketiga yang lebih berpengetahuan dalam pengendalian senggaraan. Oleh itu, beberapa cara boleh dipraktikkan bagi mewujudkan kesedaran betapa pentingnya untuk menjaga aset kerajaan, di samping melatih warga agar menjadikan budaya senggaraan sebagai suatu amalan yang baik.

Harta benda kerajaan juga dapat dikekalkan sekiranya anggota atau pengguna tersebut menggunakannya dengan cara yang betul. Sebagai contoh bagi anggota yang menghuni di RKTLDM yang ingin membuang sampah. Tatacara yang betul adalah penghuni hendaklah membungkus dahulu sampah tersebut dengan plastik sampah sebelum membuangnya. Dengan cara tersebut, ia bukan saja dapat mengelakkan pengedaran besi pada lubang sampah malah dapat mengekalkan keharmonian penghuni kerana ketiadaan bau sampah yang busuk. Galakan untuk selalu membaca memo atau arahan yang terbaru dikeluarkan serta memahaminya adalah merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kesedaran menjaga harta benda kerajaan. Dengan memo atau arahan tersebut anggota akan peka dengan arahan yang terbaru dan tahu perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Sebagai contoh memo yang dikeluarkan yang melarang anggota membuat pembakaran terbuka di blok RKTLDM.

Tujuan memo itu adalah supaya kejadian kebakaran blok tidak berlaku di dalam pangkalan. Di samping itu, pembakaran terbuka juga boleh mengakibatkan lapisan ozon semakin menipis dan secara tidak langsung dapat mengelakkan lapisan ozon terus menipis.

Penggunaan Debit Voucher juga merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kesedaran menjaga harta benda kerajaan. Dengan Debit Voucher tersebut, pengguna di kehendaki membayar kembali jumlah barang yang di gunakan sekiranya rosak. Pengguna akan menggunakannya dengan lebih berhati-hati dan menjaga harta benda kerajaan tersebut seperti menjaga hartanya sendiri. Dengan cara-cara atau langkah yang digunakan, diharapkan kecuaihan semasa menjaga harta benda kerajaan semakin berkurangan dan memantapkan lagi perkhidmatan yang boleh membuka mata dunia terhadap Malaysia sesuai dengan moto negara iaitu "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan".

Sebagai panduan, sebarang kerosakan atau masalah yang berkaitan dengan RKTLDM boleh di kemukakan ke Pejabat Senggaraan KD Malaya yang terletak di D16. Penghuni RKTLDM boleh mengisi borang laporan kerosakan (KDM/SENG/BK-01) yang terdapat di kaunter senggara. Di dalamnya terdapat butir diri anggota dan senarai kerosakan yang ingin dilaporkan. Selepas itu, penilaian akan dibuat oleh anggota senggara dan ianya terbahagi kepada 2 bahagian iaitu samada kerosakan tersebut melibatkan bukan struktur utama bangunan ataupun kerosakan yang melibatkan struktur utama bangunan. Setelah penilaian dilakukan kerosakan tersebut akan direkodkan di dalam Buku Laporan Kerosakan oleh anggota senggara dalam masa sehari.

Di dalam kategori kerosakan yang melibatkan bukan struktur utama bangunan, ia juga terbahagi kepada 2 bahagian iaitu samada kerosakan tersebut dapat dibaiki oleh anggota senggaraan berek atau kerosakan yang tidak dapat dibaiki oleh anggota senggaraan berek. Sekiranya kerosakan tersebut diluar kemampuan anggota, kerosakan akan di buat oleh kontraktor yang dipilih oleh KD Malaya. Sebelum itu, pemilihan kerja-kerja senggaraan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Senggaraan yang di lantik. Setelah perbincangan dilakukan oleh Jawatankuasa Senggaraan, skop kerja akan disediakan dan sebutharga di tawarkan kepada kontraktor yang berminat. Selepas itu, kontraktor akan dipilih dan surat tawaran akan dikeluarkan. Selepas itu, senggaraan akan di lakukan dalam masa yang dipersetujui. Pengesahan kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor lantikan akan dinilai dan akan disahkan oleh Pegawai Senggaraan Berek untuk tujuan pembayaran dalam masa 1 minggu.

Selepas penilaian dilakukan dan kerosakan itu dapat dibaiki oleh anggota senggaraan, kerosakan akan direkodkan di dalam Buku Laporan Berek Master dan senggaraan akan dilakukan oleh anggota senggaraan. Senggaraan akan dilakukan tidak lebih dari 1 minggu.

Bahagian kedua pula ialah kerosakan yang melibatkan struktur utama bangunan sebagai contoh rumah retak dan sebagainya. Kerosakan seperti itu akan direkodkan dalam buku laporan yang sesuai antaranya Buku Laporan JKR, Buku Laporan Elektrikal dan sebagainya. Selepas itu, laporan JKR 4 akan dimajukan kepada Jabatan Kerja Raya untuk tindakan dalam masa 1 minggu. Setelah meneliti kerosakan tersebut, senggaraan akan dilakukan oleh JKR dan pengesahan akan dilakukan oleh Pegawai Senggaraan.

Sesuai dengan moto TLDM iaitu "Warga Didahulukan Kesiagaan Diutamakan", Pejabat Senggaraan KD Malaya bersedia untuk membantu dan menyelesaikan segala masalah berkaitan RKTLDM yang dilaporkan dalam masa yang singkat.

DI DALAM BERIBU TERLIHAT SESUATU

“SIRI ROMPAKAN LAUT DI SOMALIA - BAGAIMANA SEMUANYA BERMULA”

Oleh: Lt Ezat Mohd Azan bin Abdul Rahman TLDM
KD MAHAMERU



Bentuk kerajaan sekarang yang diadakan di Somalia runtuh pada abad ke 90-an. Negara yang mempunyai 9-juta orang di Benua Afrika mula bergolak, banyak keluarga menghadapi kelaparan. Sejak itu, Somalia telah dikelaskan negara yang terkenal dengan siri rompakan dan rampasan di laut serta memiliki pusat di sepanjang perairan negara tersebut. Untuk memahami alasan yang benar di sebalik siri rompakan dan rampasan di laut secara tiba-tiba di negara tersebut, kita harus kembali di dalam waktu dan sejarah untuk memahami alasan yang menyebabkan ianya berlaku sedemikian.

Pertama, kita harus memahami bahawa di Somalia sering dianggap hormat apabila seseorang itu menjadi perompak atau lanun di laut negara mereka. Penduduk setempat percaya bahawa terdapat orang-orang yang mampu melindungi mereka di sepanjang perairan pantai mereka sendiri. Mengapa mereka merasa seperti ini? Setelah jatuhnya kerajaan, tidak ada cara lain untuk melindungi perairan lepas pantai Somalia. Kehidupan mereka dalam bahaya kerana bekalan makanan sekarang tidak terjamin dan desakan pihak luar seperti negara-negara Eropah dan Asia yang melihat perkembangan ini sebagai kesempatan untuk mendapatkan berjuta-juta keuntungan dengan mencuri bekalan makanan negara mereka melalui penangkapan hasil laut secara haram seperti lobster, dan pelbagai jenis makanan laut yang lain.

Penduduk di Somalia tidak menerima sebarang bentuk pampasan untuk penangkapan hasil laut haram di negara mereka. Oleh itu, mereka turun ke perairan dengan kapal berkelajuan tinggi dan berusaha melindungi sumber berharga mereka. Para perompak sering disebut sebagai "penjaga pantai tidak rasmi di Somalia". Keadaan seperti ini telah berleluasa kerana setiap tahun lebih dari 300 juta dolar dari makanan laut yang diperolehi secara haram ini dicuri dari negara yang dilanda kemiskinan dan yang tiada sumber lain untuk bergantung. Ikan dan makanan laut semakin berkurangan dan para nelayan kehilangan sumber untuk keperluan keluarga mereka.

Rompakan di laut bermula apabila nelayan mula putus asa kerana desakan hidup serta keperluan untuk melindungi negara mereka tidak lagi mampu dikekalkan. Walaupun banyak orang percaya bahawa itu hanyalah cara yang mudah untuk mereka memperoleh sumber pendapatan.

Bukan itu sahaja, banyak negara asing mula menggunakan perairan lepas pantai Somalia untuk

membuang sisa berbahaya seperti bahan radiasi, logam berat, dan sisa perubatan yang boleh mencemarkan persekitaran negara tersebut. Kesannya mula kelihatan apabila sudah mula menunjukkan tanda-tanda ruam, bayi cacat, dan jenis-jenis penyakit di sekitar masyarakat pesisir pantai tersebut.

Pada mulanya, lanun adalah nelayan tempatan Somalia, tetapi dengan penangkapan haram oleh pihak luar di perairan Somalia mereka kehilangan mata pencarian mereka dan mula mencari cara-cara untuk membawa pulang wang yang cukup untuk keperluan keluarga mereka. Untuk melakukan hal ini, mereka harus membawa masalah ke tangan mereka sendiri dengan menahan kapal di perairan mereka. Sehubungan dengan itu, wujudlah sebuah kumpulan yang diberi nafas oleh pihak Somalia dan mula membuat siri rampasan kapal di perairan lepas pantai Somalia. Tahanan dianggap sebagai tebusan dalam cubaan memeras ugut, tetapi mereka kebiasaannya dilayan dengan baik serta para lanun Somalia menyediakan makanan yang cukup dan tebusan diperlakukan seperti manusia. Rompakan ini tidak bermaksud untuk membunuh sesiapa pun, tetapi apa yang utama adalah mereka cuba untuk mendapatkan apa yang dicuri dari sumber mereka sendiri.

Seperti negara kita sendiri, kita mempunyai tentera laut untuk mengawasi perairan negara dan akan mengambil tindakan andai ada pihak luar yang melanggar undang-undang di dalam wilayah taklukan kita. Persoalannya, apakah tindakan penduduk Somalia untuk melindungi hasil sumber negara mereka dan menjaga perairan negara mereka sendiri dianggap salah. Itulah yang sering bermain di fikiran lanun-lanun di Somalia yang sering menganggap perkara yang mereka lakukan adalah tidak salah di sisi undang-undang.

Sebagai kesimpulan, kita tidak dapat mengetahui fakta-fakta di sebalik segala kesalahan yang dilakukan. Media telah menekankan pada setiap siri rampasan di Somalia dan membuat andaian melibatkan motif di sebalik perlaksanaan. Sejauh manakah kebenaran dan apakah pengadilan dibuat berdasarkan faktor-faktor tertentu sahaja. Apakah yang mendesak lanun di Somalia melakukan perkara tersebut. Adakah faktor keadilan atau desakan hidup yang melanda penduduk memaksa mereka melakukan sedemikian.





KEPENTINGAN SONAR IMBAS SISI DI DALAM PENGUKURAN HIDROGRAFI

Lt Mohd Alif Yuhanas bin Noa TLDM N/403630
KD PERANTAU



PENGENALAN

Sonar imbas sisi atau lebih dikenali di dalam Bahasa Inggeris sebagai Side Scan Sonar adalah merupakan sejenis sonar yang digunakan secara meluas di dalam pengimejan dan pemetaan dasar laut. Penggunaannya merangkumi pelbagai bidang bukan sahaja di dalam aplikasi hidrografi dan penghasilan carta nautika, malah ianya juga digunakan di dalam bidang arkeologi laut, mengesan sebarang objek dan halangan di dasar laut, pencarian kapal karam, pemeriksaan struktur bawah air seperti tiang jambatan dan pelantar minyak, pemeriksaan kabel dasar laut dan sebagainya. Ianya juga boleh digunakan di dalam aplikasi ketenteraan seperti pengukuran Q-Route dan penghasilan carta periuq api.

PRINSIP ASAS SONAR IMBAS SISI


Di dalam menghasilkan imej dasar laut, sonar imbas sisi ditunda dengan menggunakan bot atau kapal dan akan memancarkan denyutan gelombang akustik. Gelombang akustik yang dipancarkan berbentuk kipas dan nipis pada sudut datar dan dipancarkan ke bawah menghalau dasar laut seranjang dari haluan. Pantulan gelombang akustik ini akan direkodkan secara bersiri dan gabungan pantulan yang nipis ini disatukan membentuk imej dasar laut (Gambarajah 1).

Sonar imbas sisi terdiri daripada 3 komponen asas; unit tundaan atau Towfish unit yang berfungsi sebagai pemancar dan penerima gelombang akustik, kabel komunikasi yang menghantar data dari sonar imbas sisi ke kapal/bot serta komputer dan deck unit untuk kawalan dan memproses data yang diterima dari sonar imbas sisi di dalam menghasilkan imej (Gambarajah 2).



Gambarajah 2: Komponen asas sonar imbas sisi (sonar imbas sisi model Geoacoustic).

Gambarajah 1: Gelombang akustik yang dipancarkan berbentuk kipas dan pantulan gelombang direkodkan secara bersiri membentuk imej dasar laut. (sumber: Wikipedia)




Gambarajah 3: Paparan grafik yang dihasilkan dipaparkan di komputer

APLIKASI SONAR IMBAS SISI DI DALAM BIDANG HIDROGRAFI


Di dalam aplikasi hidrografi, tidak semua pengukuran memerlukan penggunaan sonar imbas sisi. Ianya bergantung kepada kepentingan kawasan dan tujuan pengukuran dilakukan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Di kawasan-kawasan tumpuan seperti pelabuhan dan laluan utama yang mana pelepasan lunas kedalaman adalah kritikal, liputan 100% adalah perlu supaya sebarang *wreck* dan halangan dapat dikesan dan dicartakan. Di antara aplikasi yang memerlukan penggunaan sonar imbas sisi adalah seperti berikut:

1) Mengesan *wreck* dan halangan di antara garis peruman (*sounding lines*). Penyapuan sonar imbas sisi dilakukan di antara garis peruman untuk memperoleh liputan 100% di kawasan-kawasan kritikal. Ini adalah penting supaya kedudukan dan saiz karaman dan halangan dapat dikenalpasti dan dimasukkan ke dalam carta nautika. Contoh data yang diperolehi adalah seperti di gambarajah 4. Data di gambarajah ini diperolehi ketika KD PERANTAU melakukan penyapuan sonar di kawasan perairan Batuan Tengah. Di dalam carta MAL 515 terdapat sebuah *wreck* yang timbul di perairan tersebut. *wreck* berkenaan tidak kelihatan dan siasatan telah dilakukan dengan menggunakan sonar imbas sisi. Hasil penyapuan sonar yang dilakukan, didapati *wreck* itu telah tenggelam di sekitar perairan Batuan Tengah.



Gambarajah 4: Objek yang disyaki *wreck* dipaparkan dalam dua ton warna (invert).


2) Mengesan bentuk geomorfologi dasar laut. Objek yang berkedudukan lebih dari kedalaman 40 meter dianggap kurang merbahaya (sumber: IHO *Manual on Hydrography C-13*) namun pengumpulan data ini adalah penting dan berguna di dalam pengoperasian kapal selam dan aplikasi peperangan periuik api. Dengan kaedah terjemahan yang betul, operator dapat menentukan bentuk dan jenis asas dasar laut di sesuatu kawasan. Sebagai contoh, jenis dasar laut di perairan Batuan Tengah secara umumnya merupakan dasar berbatu dan dapat dilihat secara jelas di gambarajah 5.



Gambarajah 5: Pembentukan gelombang pasir (sand waves) dan batu (rock) yang dapat dilihat melalui data yang diperolehi oleh sonar imbas sisi.

3) Mengenalpasti pergerakan dasar laut. Imej sonar yang memaparkan gelombang pasir (sand waves) menunjukkan bahawa berlakunya pergerakan sedimen di dasar laut secara ketara disebabkan oleh arus. Ini boleh menyebabkan perubahan kedalaman pada jangka masa panjang. Di kawasan laluan kapal utama, mengesan fenomena ini adalah amat penting supaya perancangan pengukuran semula secara berjadual dapat dilakukan. Contoh imej gelombang pasir adalah seperti di gambarajah 5.

4) Pengumpulan data klasifikasi dasar laut. Pengetahuan di dalam tekstur dasar laut digabungkan dengan pengumpulan dasar laut memberikan gambaran jelas di dalam jenis dasar laut secara umum. Dasar atau objek yang keras seperti batuan dan kerang-kerangan akan memantulkan gema yang berkeamatan tinggi dan dasar yang lembut seperti lumpur akan memantulkan gema yang lemah. Dengan menggabungkan aktiviti penyapuan sonar imbas sisi dan perolehan contoh dasar laut, jenis dasar laut dapat ditentukan dengan lebih efektif. Sebagai contoh, KD PERANTAU telah menjalankan penyapuan sonar imbas sisi dan digabungkan dengan perolehan contoh dasar laut di kawasan Barat Pulau Jerkom untuk dianalisa. Dengan data penyapuan sonar imbas sisi yang diperolehi dan telah dimozekkan (Gambarajah 6), dilihat secara jelas perbezaan keamatan warna yang di antara kawasan dasar berlumpur dan kawasan dasar kerang-kerangan.



Gambarajah 6: Mozek 3D sonar imbas sisi dan contoh dasar laut.

PENUTUP

Dapat disimpulkan bahawa sonar imbas sisi bukan sahaja dapat memberikan imej dasar laut dengan lebih jelas dan terperinci, malah ianya dapat diaplikasikan di dalam pelbagai bidang termasuk bidang ketenteraan dan penyelidikan laut. Dalam bidang hidrografi pula, ianya bukan sahaja efektif malah ekonomi dan menjimatkan masa jika dibandingkan dengan cara konvensional menggunakan penyelam. Dengan adanya peralatan ini, pengukuran hidrografi yang perlu disesuaikan dengan piawaian *International Hydrographic Organization (IHO)* dapat dipatuhi serta menepati keperluan sebagai badan ukur kebangsaan. Dalam memenuhi keperluan pencartaan perairan negara, teknologi sebegini merupakan satu kemestian bagi keselamatan pelayaran pengguna maritim di Malaysia.



5 LANGKAH MUDAH BERJIMAT

Oleh: Lt Dya Mohd Izuan bin Ibrahim TLDM

Assalamualaikum dan salam 1Malaysia. Isu penjimatan wang sering diperkatakan tetapi jarang dihayati sepenuhnya. Berikut adalah 5 langkah mudah berjimat cermat.

1. Musim Promosi dan Mega Sale

Biasanya di Malaysia ada mega sale, jadi pada waktu tersebut banyak tawaran yang cukup murah seperti pakaian di Sogo dan Kamdar. Anda boleh ambil kesempatan ini dengan membeli pakaian atau barangan pada musim promosi yang mana pada waktu lain mungkin harganya dua kali ganda.

2. Kitar Semula

Bagi mereka yang ada banyak koleksi surat khabar atau majalah lama, botol, kaca, dan aluminium boleh kitar semula di pusat kitar semula yang telah disediakan di setiap negeri.

3. Kurangkan makan di luar

Restoran makanan segera seperti McDonalds, KFC, Pizza Hut dan sebagainya kurang elok kerana ia mengandungi pelbagai perasa, pewarna dan unsur kolestrol dan lemak berlebihan. Malahan harganya lebih mahal dari restoran biasa. Sebaik-baiknya rancang pemakanan dengan diet yang sihat di samping jimat belanja.


4. Masak dan makan di rumah

Ini adalah salah satu cara untuk berjimat duit, kalau teh di luar sana harganya lebih kurang RM1.00 manakala kalau buat sendiri di rumah tak sampai 40 sen pun segelas. Begitu juga nasi, lauk dan lain-lain makanan/minuman yang boleh dijimatkan dengan adanya satu sistem yang tersusun di rumah.

5. Berhenti Merokok

Bagi mereka yang merokok boleh dipertimbangkan untuk berhenti. Ini kerana perbuatan merokok adalah suatu yang merugikan duit dan kesihatan. Walaupun 'sedap' dan 'ketagih' dengan rokok ia bukanlah satu tabiat yang baik kerana boleh memudaratkan diri dan juga orang lain.

Hakikatnya, ada banyak lagi cara untuk jimatkan duit anda daripada dibazirkan begitu sahaja. Ia bertitik tolak daripada kesedaran dan perancangan kewangan yang teliti. Walau apapun, rancanglah perbelanjaan anda dengan rasional. Teliti setiap aliran masuk dan keluar, adakah ia menepati bajet dan keperluan kita setiap hari? Pastikan anda menyimpan sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pendapatan anda sebulan di dalam mana-mana tempat pelaburan islamik yang menguntungkan.



MATA DAN TELINGA KAPAL SELAM

Peranan Combat System Acoustic KD TAR

Oleh: PW II TME(P) Mazrul bin Kamarudin
KD TUNKU ABDUL RAHMAN

Kehadiran kapal selam pertama negara iaitu KD TUNKU ABDUL RAHMAN (KD TAR) jenis SCORPENE membuktikan bahawa ATM amnya dan TLDM khususnya kini bersungguh-sungguh meningkatkan keupayaan tempur armada dalam memastikan kedaulatan perairannya sentiasa terpelihara. Di samping itu ia juga adalah salah satu platform peperangan maritim yang unik memandangkan ia perlu beroperasi dalam persekitaran tersendiri yang masih dianggap misteri. Disebabkan tahap pengoperasiannya dilaksanakan jauh dari mata dan pengetahuan umum maka secara tidak langsung menyebabkan tidak ramai yang mengetahui mengenai ciri-ciri platform tersebut berfungsi.

Berbeza dengan kemampuan strategik kapal perang permukaan, apabila sesebuah kapal selam berada pada kedalaman tertentu maka keupayaan sistem penerima seperti radar semakin tidak efektif. Oleh itu, KD TAR mempunyai satu lagi sistem penerima terpenting yang digunakan untuk memberikan kapal selam 'mata dan telinga' bagi bergerak di dalam air yang dipanggil SONAR. SONAR adalah 'Sound Navigation and Ranging' di mana ia dikendalikan dan dioperasikan oleh CSA (Combat System Acoustic) ataupun digelar sonarman.

Mengimbas kembali ketika di awal latihan sebelum terpilih menjadi sonarman, setiap anggota perlu mempunyai pengetahuan asas kapal selam. Selepas itu barulah tugas sebenar sebagai sonarman didedahkan dengan pelajaran dan pengetahuan bagaimana sistem sonar kapal itu beroperasi. Seorang sonarman yang berkecuali berupaya untuk menganalisis dan mengklasifikasikan setiap signal akustik dan frekuensi yang diterima oleh sonar.

Bagaimana sonar berfungsi? Seperti sistem radar, sonar memancarkan sejenis pancaran atau isyarat yang dipantulkan semula ke arah kapal selam apabila terkena objek. Seterusnya sistem sonar akan menggunakan *short pulse sound wave*. Terdapat dua jenis sistem sonar yang digunakan oleh KD TAR iaitu *active* sonar dan *passive* sonar. Apabila menggunakan *active* sonar (AA), kapal selam akan memancarkan denyutan bunyi ke dalam air dan sonarman akan mendengar selama manakah bunyi pantulan akan dapat didengar semula setelah denyutan tersebut mengenai sesuatu objek. Pembalikan bunyi ini akan diserap oleh mikrofon khas pada badan kapal selam yang dinamakan hidrofon. Hidrofon terletak pada beberapa lokasi di badan kapal

selam bertujuan untuk memberikan tahap pengesanan pembalikan bunyi yang baik. Namun begitu, sonar jenis ini jarang sekali digunakan kerana ia akan memberikan indikasi kewujudan kapal di persekitaran sekiranya mereka mempunyai sistem sonar.

Satu lagi sistem sonar yang merupakan aset terpenting dan sentiasa digunakan oleh kapal selam ialah *passive* sonar. KD TAR dilengkapi dengan sistem ini seperti *Cylindrical Array (CA)*, *Flank Array (FA)*, *Distributed Array (DA)* dan *Intercept Array (IA)*. Sonar jenis ini hanya bertindak dalam mod mengumpul dan mendengar bunyi yang dihasilkan oleh kapal selam atau kapal permukaan lain dan ia tidak memancarkan sebarang denyutan bunyi. Selain itu, sonar jenis ini dapat mengesan kewujudan kapal permukaan pada jarak yang jauh berdasarkan keupayaan bathy (memberi maklumat dan data-data tentang *sound velocity*, suhu

25

Rajah lokasi Peralatan Akustik (SONAR) KD TAR



dan kedalaman dikawasan kapal selam beroperasi). Ini membolehkan setiap kapal permukaan tidak mengetahui akan kehadiran kapal selam. Dengan mengoperasikan sonar ini, anggota sonarman yang terlatih mampu mengenalpasti beberapa perkara seperti jenis kapal yang sedang bergerak termasuk bot nelayan, kelajuan setiap kapal yang dikesan beserta jumlah bilah kipasnya malah sonarman juga mampu untuk membezakan bunyi-bunyian setiap hidupan laut ataupun sebagainya.

Berdasarkan pengalaman mengoperasikan kapal selam pertama negara ini sedikit sebanyak dapat memberi gambaran bahawa TLDM juga mampu melahirkan anggota sonarman di masa akan datang yang cekap, berdisiplin dan profesional sejajar dengan keupayaan aset strategik ini setanding dengan negara-negara lain yang sudah lama mengoperasikan kapal selam.



FAKTA : KEKUATAN KETENTERAAN CHINA

Oleh: Lt Kdr Haliza bte Zahari TLDM
Material, Mk TL

Modernisasi ketenteraan China telah bermula sejak tahun 1979. Walaupun modernisasi ketenteraan ini dilaksanakan berperingkat tetapi telah memberi kejutan kepada dunia.

Sejak berakhirnya perang dingin dan kejatuhan Soviet Union pada tahun 1991, China telah maju bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga bidang ketenteraan. China telah menyusun 3 strategi untuk memodernisasikan ketenteraan mereka iaitu :

- Menentukan fasa pengukuhan dari segi infrastruktur, latihan dan doktrin dapat dicapai pada tahun 2010.
- Mencapai fasa pembangunan ketenteraan, dari sudut teknologi pertahanan pada tahun 2020.
- Mempunyai keupayaan di dalam peperangan informasi pada pertengahan abad ke-21.

Melalui strategi yang telah digariskan, China memerlukan Pasukan Angkatan Tentera yang berupaya mempertahankan kedaulatan Negara mereka. Bagi memastikan ketiga-tiga strategi ini dapat dicapai, China kini di dalam proses mengemaskini doktrin pertahanan dengan memberi focus kepada strategi 'active defense' dan 'people's war under modern condition'.

Proses modernisasi ketenteraan China ini telah memberi implikasi serta perubahan yang besar kepada komponen utama Angkatan Tentera PLA yang terdiri daripada Tentera Darat, Laut dan Udara.

Tentera Darat PLA

Kekuatan Tentera Darat dianggarkan seramai 1.8 juta orang. China kini sedang mempergiatkan usaha mereka untuk mengurangkan keanggotaan Tentera Darat kerana mereka percaya untuk memodernisasikan ketenteraan mereka memerlukan keanggotaan yang lebih kecil untuk memudahkan proses pemodenan. Oleh itu sejak tahun 2000, keanggotaan Tentera Darat PLA telah dikurangkan seramai 200,000 hingga 300,000 orang. Walaupun berlakunya pengurangan keanggotaan ianya sedikit pun tidak menjejaskan struktur organisasi ketenteraan China di mana Tentera Darat mendominasi keseluruhan struktur Angkatan Tentera PLA dan Tentera Darat ini sentiasa di dalam keadaan bersedia dalam menghadapi apa sahaja ancaman terutamanya di dalam pertelingkahan dengan Taiwan.

| Kor/Bhg | Divisyen | Briged | Regimen | Batallion |
|----------|---------------|-------------|---------|-----------|
| Infantri | 10,000-12,000 | 5,000-6,000 | 2,800 | 700 |
| Armor | 10,000 | 2,000 | 1,200 | 175 |
| Kor/Bhg | Divisyen | Briged | Regimen | Batallion |
| Infantri | 5,000-6,000 | 2,200 | 1,100 | 275 |
| Armor | 5,000 | 2,000 | 1,100 | 250 |

Struktur Organisasi Pemerintahan Tentera Darat PLA

Tentera Darat PLA dibahagikan kepada lapan kor/ bahagian yang utama iaitu infantri, amour, artileri, pertahanan udara, pasukan pertahanan peluru berpandu, kejuruteraan, semboyan dan pertahanan NBCD. Terdapat juga bahagian-bahagian sokongan yang lain seperti pasukan perubatan, perisikan dan peperangan elektronik. Terdapat banyak kajian yang telah dilaksanakan ke atas Struktur Organisasi Pemerintahan Tentera Darat, secara umumnya, kajian oleh Dennis J. Blasko, James C. Mulveron, China Defence Today Journal dan Jane's Defence Magazine berkenaan struktur organisasi pemerintahan Tentera Darat PLA dapat dirumuskan seperti berikut:

| Blasko | China Defence Today | Jane's | Mulveron |
|-------------------------------------|--|--|-----------------------------|
| 2 atau 3 infantri divisyen/brigad | 2 atau 3 infantri divisyen/brigad | 2 atau 3 mekanise atau motorised divisions | 3 infantri divisyen |
| 1 armor divisyen/brigad | 1 armor divisyen/brigad | 1 atau 2 armor divisyen atau brigad | 1 tank divisyen atau brigad |
| 1 artileri divisyen/brigad | 1 artileri divisyen/brigad | 1 atau 2 artileri divisyen atau brigad | 1 artiler divisyen/brigad |
| 1 AAA atau pertahanan udara brigad | 1 pertahan udara (SAM-AAA) brigad | 1 antitank brigad | 1 AAA divisyen atau brigad |
| 1 regimen kejuruteraan | 1 regimen semboyan | 1 pertahanan udara (helicopter regimen) | 1 regimen semboyan |
| 1 semboyan regimen | 1 regimen kejuruteraan | | 1 regimen kejuruteraan |
| 1 chemical defense regimen/batalion | 1 batalion perisikan (group) | | 1 batalion perisikan |
| 1 batalion perisikan | 1 pontoon brigad regimen | | |
| Logistik dan unit persenjataan | 1 chemical defense | | |
| 1 helicopter regimen | Unit sokongan (Kor perubatan dan pengangkutan) | | |
| | Pertahanan udara (helikopter) | | |



Tentera Laut PLA

Kewujudan Tentera Laut PLA pada dasarnya ialah untuk mempertahankan persisiran pantai dari sebarang ancaman. Kini Tentera Laut PLA telah diberi tanggungjawab yang lebih besar iaitu meningkatkan keupayaan untuk beroperasi di luar pesisiran pantai. Oleh itu Tentera Laut PLA kini sedang meningkatkan keupayaan operasi dengan menambah bilangan aset-aset selain melatih anggota tentera laut mereka.

All these may be frivolous to many much more seasoned captains, who have sailed and scoured far and wide across the seven seas. For my small band of crew, our area of operation may only confine to the vast of South China Sea but we did attained fulfilling satisfaction in our own way. We successfully and safely brought the ship to a number of exotic Asean locale, such as Bangkok, Ho Chi Minh City and a number of ports in the Philippines. It would not be too much to proudly proclaimed that we made it thrice across the South China Sea to operate in the Straits of Melaka, participating in Ex ANGSA as well Agung's and CN's fleet review. We, band of sailors, had our fair shares of stormy weathers literally and days of subsisting on hard biscuit and water. We too, had an even larger share of frustration (for our MALSAIL was always and conveniently extended

and never for once shortened) and as well as our heightened sense of achievement and joy for we have transited perilous passages where few has dare ventured before.

For those who had had their fair allocation of time at sea, these sights are none too familiar. Bright bluish moonlight over a calm, serene and shimmering sea. Sailing at night passing little islands with their colourful and sparkling village lights as backdrop in the dark and tranquil waters. Cruising on a flat, calm



5 YEARS

By: Cdr Abdul Hadi Tan bin Abdullah RMN

sea in the evening, as the blazing sun was about to set in the clear blue sky after a heavy torrential rain. Enjoying the cool breeze softly caressing the face whilst enjoying a hot cup of strong black coffee on the open bridge. A spectacular sunrise on an unbroken horizon on a flat glassy sea. No worldly gift will be able



to substitute some of the most unforgettable scenery we behold at during our long sojourn at sea. I dare believe that those captivating panorama will forever etched in our memory as long as we live (and as long as I remain of sound mind too).

I had the notion that to be appointed as XO of KD SRI SANDAKAN will be another lacklustre job for pen pushers. The following 2 years in Sandakan was to prove all that was a misconception. A pleasant one at that too. My short stint there was to change my perception of this job and this bustling town forever. I was fortunate to serve under a CO (Captain Jamalludin bin Mohd Saman RMN) who makes good the significance of the word esprit d'corp. In this tiny enclave, Captain Jamal make it a fuss that all officers gather regularly every weekend for simple pot luck dinner. The menu on the table was not his main motive, building up the camaraderie was. His simple but consequential routine turned out to be a hit among us. When I was given the opportunity to substitute his appointment for a year when he pursued his studies in United States, I retained his practice religiously. It not only reduced (but alas, not altogether prevent) personnel from succumbing to the temptations of the town but also keeping bad practises at an all time low.

Nevertheless bad hats appeared from time to time and my stint at KD Sri Sandakan will eventually transformed me into a ruthless person that I never imagine that one day I would become. To weed out the unsavoury elements amongst us and make an example out of them, corporal punishments were regularly meted out. I believe I surely must have incurred the wrath of many but harsh measures is deemed necessary prevent serious collapse in the morale and discipline of the unit. Whether my charge understands or not I cannot afford to subscribe to their quandary. A job has to be dutifully carried out anyway.

The truth was that in KDSS, as was in KD JERONG, I did not perform my duty as a one man show. I was

read this, I shall never be able to repay their effort and dedication. We work as a closely knitted family and I shall always cherish the time I had with them in KDSS.

My tour in KDSS also offered me the opportunity to traverse the roads in Sabah regularly. Travelling through the undulating road to Kota Kinabalu via Telupid, Ranau and Kundasang winding the foot of the majestic Mount Kinabalu was a pleasant and enjoyable routine. I relished the drive so much that I seldom travel by air unless in dire necessity. The affairs of the service also took me to Tawau, Semporna in the south passing through the peaceful town of Lahad Datu and Kinabatangan. Perhaps some day I will chronicle some of the adventures and misadventures I encountered on the way, roving through some of the most picturesque and stunning landscape in Borneo.

Then the order was that I was to oversee the running of Gugusan Semarang Peninjau. It turned out to be another God given blessing in disguise. To put it simply, it was another task that I enjoyed every moment of it. I have got the opportunity to visit GSP on a regular basis. And my family had the chance to live in the most scenic RMN base in Malaysia. We were there firsthand as history was created when Pangkalan TLDM Kota Kinabalu notched a name in the annals of the nation's chronicle to receive the first submarine in RMN. GSP, especially RMN Station LIMA was the centre for VIPs visit. The most memorable one was the visit by the highest ranking man in this land, His Majesty The Yang Dipertuan Agong himself to RMN Station LIMA and RMN Station UNIFORM. The fourth Prime Minister of Malaysia also stepped on the islands and our motley band of able officers and crew made the best out of whatever we had was ship shaped for his visit.



All good things must come to an end, and that goes for me too. Perhaps many will pooh-pooh

39

IN THE EAST

blessed from Allah Almighty with a dedicated team of officers and senior rates. They carried out my orders to the letter. Be it out of fear or sympathy, I shall never know. I believe the regular weekend potluck party contributed to their state of mentality. The end result was there for everybody to see. Every important occasion in KDSS was held successfully and every event ran flawlessly like clockwork. The credit is entirely theirs to which I have no merit of any entitlement. If they do

my short account here but I have done my duty as well as enjoying every bit of it. A combination that will be difficult to come by again. Many loathe at the prospect of serving in the East. Some may think that to serve in Borneo entails hardship and is like going back to the Stone Age. To them it is a place depriving of many of the basic amenities and luxuries. What many do not know, it is one gem of a place that the Navy can ever offer.



HOW THE RMN WOULD OPTIMIZE INFORMATION OPERATION INTO JOINT MILITARY OPERATIONS

By: Lt Johari bin Yusof RMN
KDSIT

40

Generally, in today's world that who has the reliable information's, it consider most powerful person in the earth. The same scenario is applicable in the conduct of any military operation in any range. Information is a strategic resources and it is a vital for the national security. Military operations depend on Information Operation (IO) for many simultaneous and integrated activities. However, IO is totally different from intelligence per se. Intelligence is conducted by the intelligence staffs and its organization for the purpose of providing the commanders and relevant decision makers with relevant, accurate and timely intelligence regarding enemy especially enemy course of action (COA). Whereas IO, is being done by a Joint Operation and Direction Cell (J3/5) under the joint environments. Those with superior ability to gather, understand, control and use of these IO, have had a substantial advantages edge. Within the RMN, IO underpins all operational and management functions. It is also a fundamental resource critical in every commander's decision making process.

Generally, the purpose of IO to destroy, disrupts, degrade, deny, deceive, exploit and restore information. RMN Commanders use these IO capabilities in both offensive and defensive operation simultaneously to accomplish their mission.

Before we go further, let we explore what are the core elements incorporated in the IO architecture. The first element enters into IO library is Electronic Warfare (EW). Today's joint environments, EW could not able to stand alone. EW must integrate with other core elements of IO and need supporting capabilities from other resources in order to be effective in accomplishing the mission. EW refers to any military action involving the use of electronic magnetic (EM) and energy to control the EM spectrum or to attack the enemy. It includes 3 major subdivisions i.e. Electronic Support Measure, Electronic Counter Measure and Electronic Protective Measure. The second elements of IO is Psychological Operation or in short as PSYOP. PSYOP is planned operation to convey selected information to the foreign audiences (group of people or population) to influence their emotions, perception, believes, behavior of their organization, groups and individuals. The purpose of

PSYOP is to influence the foreign audience to become favorable to the own friendly objectives and mission. During Malayan Insurgency, PSYOP was used widely by Malaysian Government's under the program of hearts and mind operation to influence and distract local community from Malaya Communist propaganda. The third elements enter into IO is Military Deception (MILDEC) which those actions executed to deliberately mislead enemy decision makers, so that it favorable to achievements of own mission. This MILDEC is to do it by mislead the enemy in regards to own RMN military capabilities, intention and operations, which cause the enemy to take specific action or do not take any action that will contribute the success of our mission. For any seaman officers, MILDEC operation is not new to them because they use to disguise the RMN ships in any military counter operation at night, just to mislead the enemy forces. Generally, MILDEC is to establish the lies and hide the truth. The fourth element is Operation Security (OPSEC). The purpose of OPSEC is to deny the enemy especially the decision makers about own forces intention, capabilities and cause the enemy to misjudge the relevancy of known critical friendly information. In particular, the OPSEC complements the MILDEC in which the OPSEC seek to limit the like hood of enemy detection but MILDEC is to seek the like hood of enemy detection. The final element and also the last one enter into IO architecture is Cyber Operation. It also called as Computer Network Operation. Both are the same according to the Publikasi Perkhidmatan Bersama (PPB) Malaysia 4. Cyber operation which along with EW, is used to attack, deceive, degrade, disrupt, deny and exploit electronic information and infrastructure. The main 3 elements of cyber operation are Computer Network Attack, Computer Network Defence and Computer Network Exploitation. So those RMN personnel task in this cyber operation, must understand and integrated with personnel task in EW, so that determination of function and coordination is clear. Otherwise, end up with blue attack blue.



PENGURUSAN REKOD

Oleh: PW I PNK(KNA) Sapiie bin Babu

Percaya atau tidak antara faktor yang menyebabkan Pulau Batu Putih terlepas dari genggaman negara kita adalah kerana kelemahan dalam pengurusan rekod. Bukti-bukti yang menunjukkan pulau yang berada dalam kawasan perairan Johor itu tidak disokong dengan dokumen atau rekod yang kukuh lalu negara kita kehilangan hak ke atas pulau tersebut.

Oleh itu adalah wajar sebagai kakitangan kerajaan yang berkhidmat di dalam Armada yang menjaga kedaulatan perairan negara, peristiwa ini seharusnya memberi pengajaran yang maha besar untuk dihitng.

didedahkan dengan Kursus Pengurusan Rekod supaya aset berharga yang terkandung di dalam dokumen atau rekod-rekod tersebut dilindungi dan terjamin keselamatannya.

Proses kerja yang dipraktikkan di dalam TLDM terutamanya dalam tatacara pengendalian fail dan pengurusan rekod perlu ditambahbaik dan diselaraskan dengan keperluan perundangan seperti yang digariskan dalam Akta Arkib Negara 2003, Arahan Perbendaharaan 299, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dan rujukan lain yang berkaitan.

Menyedari betapa pentingnya pengurusan rekod didedahkan kepada *the Navy People* maka Pusat Sumber Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM) telah mengorak langkah memperkenalkan Kursus Pengurusan Rekod untuk Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (Ketua Kerani/Kerani).

Kursus ini dilihat mampu melahirkan generasi *the Navy People* yang berilmu dan berpengetahuan serta bertanggungjawab terhadap pengendalian dokumen dan rekod di dalam TLDM. Modul kursus yang disediakan amat bertepatan dan telah disampaikan dengan berkesan serta memberangsangkan seterusnya banyak memberi catusan idea kepada peserta kursus. Topik-topik yang disampaikan dalam kursus ini amat berguna dan menjadi input baru yang harus dipraktikkan dalam pengurusan rekod di unit khususnya dan TLDM keseluruhannya.

Bagi menerapkan ilmu pengurusan rekod kepada setiap warga *the Navy People* adalah disaran supaya silibus pengurusan rekod dibangunkan dan diperkenalkan sebagai Modul di dalam Kursus Pegawai Muda dan Lanjutan dan juga Kursus BM 'Q'. Adalah disyorkan pihak yang bertanggungjawab seperti KD SULTAN IDRIS I dan KD PELANDOK diberi peluang membangunkan silibus ini.

Pihak PUSMAS juga disaran supaya mengkaji keperluan mewujudkan Kursus Pemuliharaan Rekod yang dianjurkan oleh ANM. Kursus ini merupakan lanjutan terhadap Kursus Pengurusan Rekod dan dipercayai dapat memberi lebih pendedahan, pengetahuan dan pengalaman kepada peserta kursus.

Semua pihak yang bertanggungjawab terhadap pengendalian dokumen terbuka dan berdarjah seperti pengurusan aset, pengurusan kenderaan, pengurusan kewangan, kripto, peta dan sebagainya seharusnya

Semua pihak yang bertanggungjawab terhadap pengendalian dokumen terbuka dan berdarjah seperti pengurusan aset, pengurusan kenderaan, pengurusan kewangan, kripto, peta dan sebagainya seharusnya didedahkan dengan Kursus Pengurusan Rekod supaya aset berharga yang terkandung di dalam dokumen atau rekod-rekod tersebut dilindungi dan terjamin keselamatannya.

Bagi menerapkan ilmu pengurusan rekod kepada setiap warga *the Navy People* adalah disaran supaya silibus pengurusan rekod dibangunkan dan diperkenalkan sebagai Modul di dalam Kursus Pegawai Muda dan Lanjutan dan juga Kursus BM 'Q'. Adalah disyorkan pihak yang bertanggungjawab seperti KD SULTAN IDRIS I dan KD PELANDOK diberi peluang membangunkan silibus ini.

Usaha murni pihak PUSMAS dalam menjayakan Kursus Pengurusan Rekod seharusnya dipuji dan disanjung tinggi. Dengan lahirnya generasi *the Navy People* yang berilmu dan terlatih dalam pengurusan rekod, pastinya hak dan kedaulatan negara dapat dilindungi dan dipertahankan andainya berlaku pertikaian pada masa hadapan.



Selamatkah Perairan Kita? PERLINDUNG LAUTAN

Oleh : Lt Mu'adz bin Isa TLDM N/404111

Pendahuluan

Malaysia – Sebuah Negara Maritim


Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki keluasan kira-kira 329,800 kilometer persegi, kedudukannya yang sangat strategik di tengah-tengah laluan perkapalan menjadikan Malaysia antara sebuah negara maritim yang penting di dunia. Malaysia terletak di tengah Asia Tenggara dan terdiri daripada dua kawasan daratan yang utama iaitu Semenanjung Malaysia di bahagian Barat dan Sabah dan Sarawak di bahagian Timur. Kedua-dua kawasan daratan ini dipisahkan oleh Laut China Selatan dengan jarak kira-kira 1,020 kilometer. Malaysia juga memiliki sempadan pesisiran pantai yang panjang iaitu kira-kira 3,920 kilometer yang bermula dari Pulau Langkawi di Selat Melaka sehingga ke Tawau, Sabah di Laut Sulawesi (*Welcome aboard the Royal Malaysian Navy Base Lumut, Royal Malaysian Navy, 2002*).

Sejak Peta Malaysia 1979 dilaksanakan, jumlah keluasan perairan negara ialah seluas 256,000 kilometer persegi dan di dalamnya terdapat pelbagai khazanah berharga seperti petroleum, gas dan hasil laut seperti ikan dan terumbu karang yang menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia untuk melawat

Malaysia. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa khazanah laut ini menjadi elemen penting dalam memacu ekonomi negara.

Selat Melaka seperti mana yang telah diketahui umum merupakan antara laluan perkapalan tersibuk di dunia. Ia menjadi laluan untuk barang dagangan dengan nilai menghampiri 1 trilion Dolar Amerika dengan kira-kira 70,000 buah kapal melintasi Selat tersebut setiap tahun dan dijangka akan meningkat sehingga ke 75,000 buah kapal (*Enforcement: Anti-crime surveillance, intelligence and information sharing in the Straits of Malacca, First Admiral Maritime Zulkifli bin Abu Bakar, 2008*).

42



Cabaran Masa Kini

Laporan mengenai peningkatan kegiatan perlanungan, rompakan laut serta pencerobohan penganas yang masuk melalui jalan laut, telah mencetuskan satu kesedaran bahawa pertahanan di laut sama pentingnya dengan pertahanan udara dan sempadan darat. Kes terbaru yang berlaku pada April 2010, dilaporkan sebuah kapal dagang telah dirompak ketika sedang bersaah di perairan Tanjung Ayam, Johor, Malaysia. Walaupun kes yang berlaku ini tidak serius seperti insiden perlanungan yang berlaku di Teluk Aden, Somalia dan juga seperti kes pengeboman Mumbai, namun kita perlu memandang serius apa yang berlaku ini.

Ini kerana sepuluh orang penganas bersenjata hanya memerlukan sebuah kapal pukat tunda nelayan untuk memasuki Mumbai sebelum melakukan serangan ke atas kota yang memiliki antara populasi penduduk yang tertinggi di India itu. Mereka kemudiannya telah membunuh seramai 200 orang pada November 2008. Suatu pengajaran penting yang patut dipelajari dari serangan Mumbai ialah Malaysia mempunyai satu persamaan dengan Mumbai, India iaitu sebagai sebuah negara maritim. Kedua-dua negara memiliki persamaan dengan memiliki pesisiran pantai panjang yang mempunyai potensi untuk dijadikan jalan masuk ke dalam negara oleh para penganas. Keganasan penganas merupakan sesuatu yang mengerikan, namun dengan pemantauan dan penggunaan aset yang telah kita miliki secara optimum tidak mustahil untuk kita mengekangnya, dan di dalam kes kejadian di Mumbai itu, ternyata perkara tersebut sepatutnya dapat dihalang. Bagi memastikan kita dapat menghalang dan seterusnya menghapuskan kegiatan penganas kita memerlukan komitmen dan usahasama yang jitu antara unit penguatkuasa dalam dan luar negara. Kerjasama antara unit penguatkuasa Malaysia dan Filipina misalnya telah berjaya membendung kegiatan penculikan oleh Kumpulan Abu Sayyaf yang sering berlaku ke atas

pelancong di Perairan Sabah yang terkenal kerana memiliki rangkaian pulau-pulau dan khazanah terumbu karang antara yang tercantik di dunia seperti di Pulau Sipadan dan Pulau Mabul.

Bagi merealisasikan hasrat murni untuk memastikan Selat Melaka bebas dari ancaman lanun dan kehadiran aset agensi luar seperti Amerika Syarikat yang begitu menunjukkan minat untuk menempatkan kapal-kapal mereka di Selat Melaka, TLDM perlu untuk menggunakan segala aset yang dimiliki olehnya serta aset yang dimiliki oleh Agensi Penguatkuasaan Undang-undang Maritim yang lain seperti Polis Marin, Jabatan Laut, Kastam, Imigresen dan yang lain. Selain itu, penglibatan negara-negara jiran juga diperlukan kerana kegiatan perlanungan dan rompakan laut memerlukan komitmen semua pihak untuk membasminya. Perkara ini terbukti dengan penglibatan semua agensi dan negara-negara jiran di dalam Perondaan Selat Melaka semenjak 2004 yang melibatkan aset maritim dari Malaysia, Indonesia dan Singapura serta Thailand yang menyertainya pada 2008 telah berjaya menurunkan statistik aktiviti perlanungan dan rompakan laut di Selat Melaka dari 12 kes pada tahun 2005 kepada dua kes pada 2009 (*ICC-IMB, Piracy and Armed Robbery Against Ship, Annual Report 2009*).

Selain itu perkongsian maklumat dengan agensi maritim antarabangsa merupakan sesuatu yang perlu bagi memastikan kesiagaan semua negara untuk membasmi kegiatan perlanungan dari berlaku dengan sewenang-wenangnya seperti yang berlaku di Teluk Aden, Somalia. Melalui Rondaan Bersama di Selat Melaka semua negara dapat berkongsi maklumat dalam masa nyata, ini perlu bagi memastikan semua negara dapat menerima amaran sebaik sahaja sebarang kegiatan mencurigakan dikesan oleh satu pihak, dan ini membenarkan mereka untuk menyelaraskan usaha untuk menangani ancaman tersebut.



Penutup

Tambah meruncingkan keadaan ialah kegawatan ekonomi dunia yang sedang melanda pada masa kini. Diramalkan kegiatan perlanungan ini akan meningkat di Selat Melaka dan seluruh dunia seperti yang sedang berlaku di Teluk Aden. Justeru, selaku sebuah negara maritim, Malaysia perlu mempertingkatkan kesiagaan dan keupayaan armadanya untuk melakukan rondaan dan pemantauan berterusan di perairan negara untuk menunjukkan kesungguhan kita untuk mengatasi masalah rompakan laut, perlanungan dan ancaman serangan penganas. Keselamatan persairan negara dari sebarang kegiatan penganas dan rompakan laut akan memastikan pertumbuhan ekonomi negara akan dapat dipacu dengan lebih dinamik dan mampan pada masa hadapan.



PEGAWAI ATM MODEL GENERASI MUDA NEGARA

Oleh: Karzidania
Foto: PR MPL TLDM

Pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) perlu menjadikan cogan kata TLDM 'Sedia Berkorban', Ikrar Kesatria dan Kod Etika Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai asas pegangan dalam mempertahankan kedaulatan negara Malaysia.

"Sebagai seorang pegawai tentera, saudara sekalian merupakan model kepada generasi muda serta masyarakat awam yang lain.

"Corak kehidupan yang penuh disiplin serta keperibadian tinggi yang dimiliki oleh pegawai tentera khususnya tentera laut telah menjadikan perkhidmatan ini dihormati oleh masyarakat awam," titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibi Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan menyempurnakan Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah kepada Pegawai Kadet Kanan (PKK) Tauliah Jangka Pendek (TJP) ke-58, PK Wanita ke-11, Pegawai Graduan (PG) ke-19 dan Pegawai Tugas Khas (PTK) ke-30 di KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut 3 Julai lalu.

Selain itu, baginda juga berharap pegawai TLDM sentiasa memelihara imej dan menjauhi diri daripada terjebak dalam aktiviti negatif yang boleh menjejaskan maruah dan seterusnya menghilangkan keyakinan rakyat terhadap kredibiliti ATM amnya dan TLDM khususnya.

"Beta berharap aspek pengetahuan, kepakaran serta semangat juang warga TLDM dipertingkatkan seiring arus pemodenan aset bagi membolehkan TLDM menghadapi sebarang konflik di masa hadapan.

"Penguasaan dalam pembangunan modal insan ini dapat memberi kelebihan kerana ianya penting baginda dalam usaha menjadikan TLDM sebagai tentera laut yang unggul dan disegani di rantau ini," titah.

Baginda juga menyeru agar kebajikan the navy people sentiasa diberi perhatian kerana kecemerlangan sesuatu organisasi adalah bermula daripada suasana kerja dan keluarga yang bahagia.

"Oleh itu, pegawai memainkan peranan yang sangat penting di dalam menjaga kebajikan anggota dan keluarga warga TLDM.

"Selain itu, the navy people juga perlu mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan melibatkan diri dalam aktiviti berfaedah supaya kecergasan fizikal dan mental akan lebih terpelihara," titah baginda lagi yang amat berbangga dengan prestasi sukan TLDM kini di peringkat perkhidmatan, nasional dan antarabangsa.

Sempena perbarisan pada hari tersebut, beberapa anugerah telah disampaikan oleh DYMM Sultan Selangor. Masing-masing anugerah tersebut adalah: PK Terbaik Keseluruhan Ke-58 (PKK Kamarul Hainizam Abd Razak), PK Wanita Terbaik Akademik Ke-11 (PKK Nurziah Ahmad Pauzi), PG Terbaik Ke-19 (Leftenan (Lt) Muhammad Firdaus A Hamid TLDM) dan PTK Terbaik Ke-30 (PKK Anuar Ambak).

Seramai 51 pegawai TJP berjaya menamatkan latihan dan terlibat di dalam perbarisan pada hari tersebut.

Turut hadir ke majlis tersebut termasuklah Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Mohammed Nordin Ali, Panglima Armada, Dato' Seri Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin, Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM, Laksamana Muda Dato' Musa Omar, Orang Besar Jajahan Manjung, Toh Muda Orang Kaya Panglima Kinta Seri Amar DiRaja Dato' Ab Wahab Dato' Seri Azizul, para Panglima, para Pegawai Memerintah, para pegawai dan keluarga TJP.



DAULAT TUANKU
ISTADAT PERBARISAN DIRAJA DAN PENGURIAAN WATIKAH TAUJAH
PEGAWAI TJP PENGAMBILAN KE-58, WANITA KE-11, GRADUAN KE-19,
DAN PEGAWAI TUGAS KHAS KE-30
03 JULAI 2018





PROGRAM JIWA MURNI SEMARAK UKHUWAH WARGA TLDM

Oleh: Lt Siti Salina Johari TLDM

Foto: LK PNK Mohd Faris Rassully

Program Jiwa Murni bertempat di Kompleks Kebajikan Rukaiyah (KKR-AMAL), Kajang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh warga TLDM dari Cawangan Kejuruteraan Markas Tentera Laut bersempena dengan sambutan Jubli Intan ke-76 yang diraikan pada tahun ini. Program ini disertai oleh 32 orang warga Cawangan Kejuruteraan dan isteri yang terdiri daripada 13 pegawai, 16 anggota lain-lain pangkat (LLP) serta 3 kakitangan awam dan turut mendapat kerjasama daripada 24 warga KKR-AMAL.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah menaik taraf tembok pagar, gotong-royong membersihkan kawasan sekitar, mengecat bangunan asrama dan sesi ramah mesra bersama anak-anak yatim serta pegawai-pegawai KKR-AMAL.

Pelaksanaan program seumpama ini dilihat berupaya menyedarkan the Navy People bahawa kesedaran moral dan sivik penting dalam menyalurkan bantuan kepada golongan

yang amat memerlukan. Sikap 'menoleh' kepada mereka yang memerlukan harus diterapkan agar dapat melahirkan warga TLDM yang berkeprihatinan tinggi dan memupuk semangat bertolak ansur.

"Aktiviti amal ini dilaksanakan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bagi meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik. Selain itu, ianya dapat melahirkan nilai-nilai murni di dalam hati setiap warga TLDM khususnya dan warga ATM amnya", jelas Laksamana Pertama Datuk Yahya bin Hashim. Ketika itu menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Jutra yang merupakan tetamu khas di majlis tersebut.

Tambah beliau, melalui program ini turut menggalakkan kerjasama di antara warga tentera dan menerapkan budaya Spirit De Corp di dalam diri masing-masing. Semangat kerjasama yang diterapkan di kalangan warga tentera dan masyarakat awam adalah sejajar dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia untuk mewujudkan konsep Satu Malaysia - rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

"Warga TLDM kini perlu mengamalkan gaya hidup sihat dengan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, bersukan serta menjauhi diri dari terjebak dalam kegiatan yang memudaratkan diri atau keluarga. Fizikal yang sihat dan cergas bukan sahaja mampu mewujudkan masyarakat yang cemerlang dan berdaya saing malah dapat membentuk keharmonian dan kesejahteraan sejagat", jelas beliau.

Turut hadir dalam menayakan program Jiwa Murni ialah Profesor Madya Dr. Abd Rahman bin Kurais, Pengerusi Kompleks Kebajikan Rukaiyah dan Kepten Wan Othman bin Wan Abd Rahman TLDM, Pengarah Pembangunan dan Piawaian Cawangan Kejuruteraan Mk TL.

45





PENGAMBILAN RISIKO DALAM KEPIMPINAN

Oleh: Lt Iskandar Zulkarnain bin Bahzam TLDM
KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN

Pendahuluan

Semasa zaman darurat dulu, apakah yang mendorong pengikut komunis sehingga mereka sanggup berkorban jiwa raga mereka demi memperjuangkan perjuangan mereka. Mereka sanggup bersusah payah tanpa satu pun kemudahan atau ganjaran yang nampak secara fizikal sebagai bayaran kepada hasil pengorbanan mereka. Walaupun mendapat tentangan yang kuat, berhadapan dengan risiko kematian, diancam dan sebagainya, mereka tetap bersungguh-sungguh berusaha untuk mencapai impian organisasi. Adakah ini satu pengaruh kepimpinan, semangat organisasi atau dorongan untuk berkhidmat dalam diri mereka.

"Aku ingin menyampaikan dakwah ini hingga kepada janin di perut ibunya"
– Hasan al Banna

Hasan al Banna mencetuskan satu visi yang jauh dalam kepimpinannya. Jelas menunjukkan beliau mengambil risiko yang tinggi dalam kepimpinan dengan meletakkan visi pada peringkat yang mustahil untuk dicapai dan direalisasikan. Namun dengan visi ini, tercetus satu cabaran kepada organisasinya untuk mencapai visi dan menjadikannya satu realiti. Walaupun mustahil, organisasinya terus bertindak, berusaha bersungguh dengan meletakkan visi ini sebagai pendorong kepada pencapaian mereka. Risiko yang diambil oleh beliau amat ketara perbezaan setelah berjaya mempengaruhi minda dan semangat organisasinya.

Pemimpin dan Kepimpinan

Kepimpinan adalah tanggungjawab. Menjadi pemimpin bererti memikul tanggungjawab yang memerlukan pelbagai kemahiran. Salah memimpin bermakna salah membuat keputusan, tidak menghiraukan pembangunan sumber dan meninggalkan legasi dalam keadaan kucar-kacir.

Pemimpin merupakan individu yang boleh memberi pengaruh kepada individu yang lain. Sesuatu yang menarik dalam kepimpinan adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi dan mempunyai struktur yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pengikut bagi mencapai kecemerlangan.

Secara umumnya, pemimpin ialah seorang individu dalam sesuatu kumpulan yang diberi tanggungjawab mengarah dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat kumpulan itu. Ini bermakna kepimpinan ialah proses mempengaruhi kegiatan kumpulan ke arah pencapaian sesuatu hasil yang telah dirancang.

Pencapaian yang cemerlang di dalam sesuatu organisasi memerlukan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh pemimpin bagi mendorong pengikutnya meningkatkan tekad dan keazaman ke arah kecemerlangan organisasi tersebut. Oleh itu, usaha ke arah penyatuan aktiviti sesebuah organisasi bergantung besar kepada kepintaran seseorang pemimpin itu dalam mengaplikasikan profesionalisme dalam kepimpinan.

Sesetengah orang menganggap 'pemimpin' itu seseorang yang boleh mendorong pengikut untuk bekerja kuat, menghasilkan sesuatu yang agung dan orang yang membantu lebih daripada orang yang menaikkan semangat atau mengarah. Walau apa pun pandangan, pada asasnya pemimpin adalah gabungan semua sifat iaitu pengarah, pendorong dan pembantu.

Secara ringkas di sini dapat dirumuskan bahawa kepimpinan menunjukkan pemimpin memerlukan elemen bimbing, pimpin, tuntun dan tunjuk yang saling berkait rapat bagi menggerakkan satu organisasi atau kumpulan mengikut sasaran yang disasarkan ke titik yang lebih berjaya, efektif, profesional dan padat.

Konsep, Peranan dan Jenis Kepimpinan

Perbezaan peranan pemimpin boleh diperhatikan di sepanjang sejarah kehadiran manusia di dunia berbilion tahun yang lalu. Bermula dengan Nabi Adam A.S, umat manusia sentiasa hidup dengan dipimpin dan dipimpin. Dalam proses kepimpinan ini, banyak perkara yang berlaku, menyentuh pelbagai watak, keputusan dan penilaian. Kehadiran pemimpin silih-berganti dalam berbagai-bagai bidang. Antaranya ialah birokratik, autokratik dan demokratik. Justeru, negara-negara yang wujud di dunia pada hari ini turut mewarisi jenis-jenis kepimpinan monarki, demokrasi berparlimen, demokrasi berpresiden, sosialis, komunis dan totalitarian.

"Dalam Leadership (kepimpinan), bagi memimpin satu organisasi, leader (pemimpin) mesti sentiasa dan berani mengambil risiko dalam

membuat decision (keputusan) untuk mencapai target (sasaran) samada merubah pegangan semasa atau tidak. Jika tidak berani mengambil risiko, bagaimana mahu berjaya."

– KS Markas ATM, Lt Jen Dato' Raja Mohamed Affendi bin Raja Mohamed Noor.

Pentadbiran totalitarian sudah tidak wujud pada hari ini dalam erti kata sebenar kerana tokoh-tokoh seperti Adolf Hitler, Mossolini dan Stalin gagal menyebarkan ideologi mereka ke seluruh dunia. Konsep pemimpin ini ialah menghalalkan kekerasan bagi memastikan ideologi berkenaan diluaskan. Dengan erti kata lain matlamat menghalalkan cara.

Konsep kepimpinan yang dibentangkan di atas adalah sangat luas dan sukar untuk kita kaitkan dengan kepimpinan organisasi jika tidak melihat elemen asas kepada kepimpinan tersebut. Tokoh-tokoh kepimpinan mengkaji peranan dan jenis pemimpin yang berkesan merumuskan lima fungsi pemimpin iaitu:

1. Pengurusan kumpulan

Pemimpin bertindak dengan tanggungjawab ke atas kumpulannya bagi menggerakkan setiap perubahan. Peranan ini boleh dilaksanakan dalam keadaan formal seperti memberi arahan dan juga tidak formal seperti memberikan pendapat untuk melakukan tugas tertentu. Orientasi pemimpin seperti ini ialah sangat mesra dengan ahli kumpulan dan bijak menggunakan elemen sentuhan dan belaian bagi memastikan ahli-ahlinya melaksanakan peranan masing-masing.

2. Memberi arah.

Wawasan 2020 adalah contoh idea seorang pemimpin yang memberi arah kepada kumpulan. Arah tersebut adalah jelas, boleh dicapai dan memberi keinginan yang meluap-luap untuk mencapainya. Keupayaan pemimpin memberi panduan matlamat dapat menjadikan setiap usaha ahli kumpulan dapat dijayakan bagi menyempurnakan arah tersebut.

3. Pengurusan kerja.

Merancang, melaksana dan mengurus memerlukan kebijaksanaan sinergi. Tanpa keupayaan dan kematangan berfikir, sukar bagi mana-mana pemimpin untuk mengembangkan ideanya. Jika dilihat dalam organisasi, Jepun berjaya membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai kaedah pengurusan kerjanya sendiri, walaupun politik bergolok ekonomi mereka masih lagi stabil.

4. Pembangunan ahli kumpulan

Dalam konteks negara, ia bererti pembangunan modal insan. Sumber manusia sangat penting dan kritikal kerana dapat menarik dan menjatuhkan kekuatan sesebuah negara. Orientasi pemimpin jenis ini ialah mengutamakan semua aspek pembangunan sumber manusia termasuk pendidikan, sosial dan kebudayaan.

5. Penilaian

Menilai adalah subjek yang sering diketepikan kerana sukar. Walau bagaimanapun, proses penilaian boleh difokuskan kepada beberapa aspek yang penting dan signifikan terhadap pembangunan kepimpinan pada masa depan.

Fungsi kepimpinan ini tidak semestinya seimbang pada semua pemimpin kerana ada di antaranya sangat dominan dalam diri seseorang pemimpin. Kita boleh memberi skala cemerlang, sederhana dan tidak berkesan kepada mana-mana ketua atau pemimpin bagi menilai tahap kejayaan kepimpinannya.

"You belief your own style but dont bind to it"

– Lt Col Dr Mohd Kenali Basiron

Selain itu, dalam menghadapi era perubahan teknologi informasi, organisasi juga perlu melakukan adaptasi yang cepat dan radikal bagi menangani tekanan kompetitif yang diwujudkan oleh perkembangan pasaran global. Pengurusan yang hanya menekankan kualiti tanpa mengambil kira kreativiti akan ketinggalan dan akhirnya menguruskan organisasi secara tradisional. Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) masa kini perlu diberikan suntikan baru supaya lebih peka tentang perubahan yang berlaku dalam pembentukan budaya korporat di samping bertindakbalas terhadap situasi global yang mampu menjejaskan kemampuan sesebuah pengurusan dalam organisasi. Untuk mencapai perubahan dalam struktur, sistem, perhubungan dan bentuk aktiviti yang mengintegrasikan kesemua matlamat, pengurusan sesebuah organisasi itu perlu membuat penyesuaian terhadap perubahan dalam paradigma pemikiran.

"Keamanan negara yang dikecapi kini merupakan hasil pengorbanan dan semangat perjuangan perwira terdahulu, justeru warga ATM yang menjunjung ikrar kesatria harus sedia berkorban demi kebaikan organisasi."

– Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Zulkifeli Mohd. Zin

KEMPEN KESEDARAN MEMBACA DAN PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN PUSAT PANGKALAN TLDM LUMUT

Oleh : Mejar Sahudin bin Semail
Pegawai Pelajaran KD MALAYA

Perpustakaan Pusat Pangkalan TLDM Lumut ditubuhkan pada tahun 1984 dan terletak bersebelahan dengan Mahkamah Tentera. Sebagaimana yang telah diketahui umum, kesedaran membaca dan penggunaan perpustakaan di kalangan warga TLDM masih berada pada tahap rendah jika dibandingkan dengan warga Tentera Laut di negara yang lebih maju. Kurangnya kesedaran terhadap penggunaan perpustakaan adalah disebabkan kurangnya minat membaca atau mungkin disebabkan oleh keadaan perpustakaan itu sendiri yang tidak mampu menarik minat anggota. Hasil daripada beberapa pemerhatian yang telah dilakukan, masih terdapat ruang-ruang yang masih perlu diperbaiki terhadap Perpustakaan Pusat Pangkalan TLDM Lumut bagi memastikan ianya mampu menarik minat anggota untuk hadir. Di samping itu, unit juga didapati kurang memberikan galakan terhadap anggota untuk membaca dan menjadikan perpustakaan sebagai tempat rujukan utama untuk penambahan ilmu pengetahuan.

Terdapat beberapa aktiviti yang boleh dijalankan di peringkat pangkalan antaranya kempen kesedaran di peringkat unit-unit di pangkalan. Pegawai Memerintah memainkan peranan penting iaitu dengan memberi galakan yang maksimum kepada anggota masing-masing serta mewajibkan setiap anggota mendaftar sebagai ahli di Perpustakaan Pusat Pangkalan TLDM Lumut. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bahan bacaan seperti membuat sinopsis, meringkaskan kandungan buku, bercerita dan pelbagai lagi boleh dilakukan. Ia bertujuan untuk menambah lagi daya saing di kalangan anggota dan unit juga mungkin boleh mengadakan beberapa hadiah kecil kepada setiap pemenang sebagai salah satu pendorong untuk anggota lebih berminat ke arah merealisasikan warga yang berilmu. Contoh terbaik yang boleh diambil ialah unit KD DUYONG yang telah mewajibkan setiap anggotanya menjadi ahli Perpustakaan Pusat Pangkalan TLDM Lumut. Oleh demikian, diharapkan agar unit-unit lain turut sama memberi sokongan dan mewajibkan semua anggota menjadi ahli perpustakaan.

Selaras dengan kempen ini, beberapa aktiviti kesedaran penggunaan perpustakaan juga akan dilaksanakan yang bertujuan menarik minat anggota mengunjungi perpustakaan. Pegawai Pelajaran KD MALAYA dipertanggungjawabkan untuk membuat perancangan serta melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan. Antara aktiviti-aktiviti adalah mengadakan anugerah pengunjung



bulanan yang kerap menggunakan perpustakaan. Setiap pengunjung yang mengunjungi dan menggunakan Perkhidmatan Perpustakaan akan direkodkan di dalam buku rekod kedatangan. Pengunjung diminta mengisi buku ini yang diletakkan di Kaunter Perpustakaan. Penerima anugerah boleh dipilih melalui buku rekod kedatangan.

Seterusnya Anugerah peminjam buku terbanyak setiap bulan. Pada setiap akhir bulan, rekod pinjaman akan disemak untuk mendapat data pengguna yang membuat pinjaman buku terbanyak. Menganjurkan aktiviti kesedaran membaca di kalangan kanak-kanak. Perpustakaan juga akan merancang aktiviti yang boleh membantu mewujudkan kesedaran dan menarik minat membaca di kalangan kanak-kanak. Aktiviti seperti pertandingan mewarna di kalangan kanak-kanak perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Perpustakaan Pusat Pangkalan TLDM Lumut telah melakukan dan akan meneruskan lagi penambahbaikan untuk memastikan Perkhidmatan Perpustakaan lebih efisien dan sesuai dengan keperluan semasa. Antaranya perpustakaan ini telah dilengkapi dengan Sistem Perpustakaan Digital. Pengguna boleh mengakses katalog senarai buku yang terdapat di seluruh Perpustakaan Angkatan Tentera termasuk Perpustakaan KEMANTAH. Pengguna juga boleh melayari laman web Perpustakaan KEMANTAH untuk mencari judul buku melalui Web Opac.

Masa operasi perpustakaan juga akan dilanjutkan bagi memastikan penggunaan perpustakaan ini dapat dioptimumkan. Masa operasi akan dibuka semula pada jam 6 petang sehingga 10 malam setiap hari kecuali kelepasan am dan cuti. Perpustakaan ini juga akan dilengkapi dengan kemudahan internet dengan pemasangan Wi-Fi Streamyx di keseluruhan kawasan bangunan perpustakaan manakala 3 buah komputer di dalam bilik multimedia juga akan dilengkapi kemudahan internet.

Semoga segala aktiviti dan perancangan yang diatur akan dapat mewujudkan kesedaran kepada semua warga pangkalan mengenai kepentingan budaya membaca dan penggunaan perpustakaan. Pada masa yang sama, kempen ini juga diharapkan akan dapat membentuk modal insan yang lebih berilmu di dalam kalangan warga TLDM.



Amalan Mesra Alam

Perubahan cuaca yang ekstrem, yang ada kaitan dengan fenomena cuaca luar biasa, kawasan pesisir pantai yang semakin terancam, pencairan glasier, peningkatan kandungan asid di dalam air laut, gelombang panas dan perubahan tabii' haiwan dan tumbuh-tumbuhan adalah tanda-tanda amaran pemanasan global. Pembakaran bahan api fosil yang berlebihan untuk menghasilkan tenaga menyebabkan peningkatan pelepasan karbon dioksida ke atmosfera yang turut menyumbang kepada pemanasan global.

Masalah pemanasan global yang semakin meruncing sejak kebelakangan ini dilihat sebagai satu ancaman kepada seluruh umat manusia. Pencemaran alam merupakan salah satu penyumbang besar kepada proses peningkatan suhu global. Pencemaran alam sering dikaitkan dengan penyalahgunaan bahan buangan tanpa penjagaan yang terkawal. Oleh itu, kita sebagai insan yang prihatin haruslah mengambil langkah segera dalam menyelesaikan isu pemanasan global ini.

Langkah terbaik dalam penjagaan alam sekitar adalah melalui pencegahan daripada pembuangan sisa-sisa. Bak kata pepatah "mencegah lebih baik daripada mengubati". Amalan seperti kitar semula merupakan langkah bijak pengguna yang sayangkan alam sekitar. Bahan buangan seperti surat khabar, kertas terpakai dan kadbod merupakan bahan yang boleh dikitar semula. Sediakan bekas khas kitar semula untuk mengumpul kertas yang telah digunakan. Kumpulkan kertas atau surat khabar yang tidak digunakan dan hantar ke pusat kitar semula.

Penggunaan kertas secara minimum adalah mesra alam dan dapat menjimatkan tenaga. Amalkan penggunaan e-mel, instant messaging dan sidang video berbanding menggunakan faksimili dan mesin pencetak. Guna semula sampul surat untuk menghantar surat. Guna semula kertas cetakan komputer sebagai kertas memo atau kertas mengambil pesanan telefon. Apabila menggunakan kertas untuk menulis atau membuat salinan di mesin fotostat gunakan kedua-dua belah muka surat.

Selain itu, gunakan pengangkutan awam bagi mengurangkan pencemaran udara dan menjimatkan penggunaan petrol. Bas yang membawa 100 penumpang hanya menggunakan 1/10 daripada jarak jalan, memerlukan hanya 1/6 bahan api

dan mengeluarkan 1/16 gas beracun berbanding menggunakan kereta.

Gunakan peralatan elektrik yang jimat tenaga. Padam dan buka plak selepas menggunakannya. Peralatan elektrik seperti televisyen yang digunakan selama 3 jam sehari dan selebihnya dibiarkan dalam keadaan standby mode selama 21 jam akan menggunakan sehingga 40% tenaga dalam keadaan standby mode.

Gunakan komputer sebaiknya. Kurangkan jangka masa untuk monitor berada dalam keadaan sleep mode. Selepas menutup komputer, buka plak untuk mengelakkan pembaziran tenaga. Padamkan lampu, komputer, pendingin hawa dan mesin fotostat apabila tidak digunakan. Pilih penyaman udara yang jimat tenaga. Pertambahan 1 darjah suhu penyaman udara akan mengurangkan sebanyak 7% penggunaan elektrik.

Amalkan berkongsi kenderaan bagi mengurangkan pencemaran udara dan kesesakan jalan raya. Berkongsi kenderaan dengan seseorang selama 2 hari dalam seminggu dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sehingga 1590 paun setahun. Berjalan ke tempat makan akan menjimatkan petrol, mengurangkan pencemaran udara dan mengurangkan bahan pembungkusan (mengurangkan bahan buangan).

Kawal kadar aliran air apabila menggunakan paip. Aliran air yang rendah boleh mengurangkan antara 25% sehingga 50% penggunaan air. Gunakan pancuran untuk mandi dan elakkan mandi dengan menggunakan air takungan. Mandi menggunakan pancuran dapat menjimatkan sebanyak 4 kali ganda tenaga. Pasangkan sistem dua curahan pada tandas. Jika dibandingkan dengan sistem satu curahan, sisten dua curahan dapat mengurangkan penggunaan air sesebuah kediaman sebanyak 50%.



SUN TZU'S THE ART OF WAR THE THEORY OF WEAK POINTS AND STRONG

By: Lt Cdr Mohd Zailani Bin Mohd Nor RMN

Introduction

The Art of War is a Chinese military treatise that was written during the 6th century BC by Sun Tzu. Composed of 13 chapters, each of which is devoted to one aspect of warfare, it has long been praised as the definitive work on military strategies and tactics of its time.

Background

